



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR

AKNC



ISI KANDUNGAN

NO	ISI KANDUNGAN
MUKASURAT 7	KEPIMPINAN
MUKASURAT 11	PERANCANGAN STRATEGIK
MUKASURAT 19	TUMPUAN PELANGGAN
MUKASURAT 28	PENGUKURAN, ANALISI DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN
MUKASURAT 35	TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA
MUKASURAT 43	TUMPUAN KEPADA OPERASI
MUKASURAT 51	HASIL

JUDUL/TAJUK

LAPOPAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANCELOR 2024 FAKULTI
PERLADANGAN DAN AGROTEKNOLOGI Uitm KAMPUS JASIN

COPYRIGHT

LAPOPAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANCELOR 2024 FAKULTI
PERLADANGAN DAN AGROTEKNOLOGI UiTM KAMPUS JASIN
(FAKULTI PERLADANGAN DAN AGROTEKNOLOGI)

20 OKTOBER 2025

Fakulti Perlindungan dan Agroteknologi UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin

Diterbitkan 2025

Fakulti Perlindungan dan Agroteknologi Universiti Teknologi MARA Cawangan
Melaka Kampus Jasin 77300 Merlimau Melaka.

LAPOPAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANCELOR 2024 FAKULTI
PERLADANGAN DAN AGROTEKNOLOGI UiTM KAMPUS JASIN
FAKULTI PERLADANGAN DAN AGROTEKNOLOGI, UiTM CAWANGAN
MELAKA

Perpustakaan Negara Malaysia

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Dengan penuh rasa syukur dan penghargaan, kami mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan kerjasama dalam menjayakan Anugerah Kualiti Naib Canselor di Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, UiTM Kampus Jasin. Laporan ini adalah hasil usaha bersama yang mencerminkan dedikasi dan komitmen seluruh warga fakulti dalam mencapai kecemerlangan akademik dan penyelidikan.

Anugerah ini bukan sahaja mengiktiraf pencapaian cemerlang, tetapi juga mendorong kami untuk terus berinovasi dan meningkatkan kualiti pendidikan serta penyelidikan di fakulti ini. Kami berpegang kepada prinsip bahawa kualiti adalah asas kepada kejayaan dan keberkesanan dalam setiap aspek pengajaran, pembelajaran, dan penyelidikan.

Laporan ini merangkumi pencapaian, inisiatif, dan langkah-langkah yang telah diambil oleh fakulti dalam usaha untuk memenuhi standard kualiti yang ditetapkan. Kami percaya bahawa usaha yang berterusan dan komitmen semua pihak adalah kunci untuk mencapai matlamat ini.

Akhir kata, kami berharap laporan ini dapat memberi inspirasi kepada semua warga fakulti dan juga kepada pelajar untuk terus berusaha dan mencapai kejayaan yang lebih gemilang. Semoga Allah SWT memberkati segala usaha kita.

Sekian, terima kasih.

PROF Ts DR AZHAN HASHIM@ISMAIL
DEKAN
Fakulti Perladangan dan Agroteknologi
UiTM Kampus Jasin

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Dengan penuh rasa syukur dan penghargaan, kami mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan kerjasama dalam menjayakan Anugerah Kualiti Naib Canselor di Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, UiTM Kampus Jasin. Laporan ini adalah hasil usaha bersama yang mencerminkan dedikasi dan komitmen seluruh warga fakulti dalam mencapai kecemerlangan akademik dan penyelidikan.

Anugerah ini bukan sahaja mengiktiraf pencapaian cemerlang, tetapi juga mendorong kami untuk terus berinovasi dan meningkatkan kualiti pendidikan serta penyelidikan di fakulti ini. Kami berpegang kepada prinsip bahawa kualiti adalah asas kepada kejayaan dan keberkesanan dalam setiap aspek pengajaran, pembelajaran, dan penyelidikan.

Laporan ini merangkumi pencapaian, inisiatif, dan langkah-langkah yang telah diambil oleh fakulti dalam usaha untuk memenuhi standard kualiti yang ditetapkan. Kami percaya bahawa usaha yang berterusan dan komitmen semua pihak adalah kunci untuk mencapai matlamat ini.

Akhir kata, kami berharap laporan ini dapat memberi inspirasi kepada semua warga fakulti dan juga kepada pelajar untuk terus berusaha dan mencapai kejayaan yang lebih gemilang. Semoga Allah SWT memberkati segala usaha kita.

Sekian, terima kasih.

PROF Ts DR AZHAN HASHIM@ISMAIL
DEKAN
Fakulti Perladangan dan Agroteknologi
UiTM Kampus Jasin



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR

AKNC





LAPORAN

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2024

FAKULTI PERLADANGAN DAN AGROTEKNOLOGI
JARINGAN ALUMNI, KOMUNITI DAN
KESUKARELAWAN

KETUA PTJ :

MOHD RASDI BIN ZAINI

KETUA UNIT KUALITI :

NUR SURAYA BINTI ABDULLAH

PENYELARAS :

NUR'AMIRA BINTI HAMID

PENULIS :

1. NUR SURAYA BINTI ABDULLAH
2. ZAREEN BINTI ZULKIFLI
3. NUR'AMIRA BINTI HAMID
4. NUR WAJIAH BINTI MOHD NAWI
5. NURULAIN BINTI ISA
6. SITI AISHA NA'ILLA BINTI CHE MUSA
7. FARAH ADILA BINTI ABDULLAH

8. NUR FATIN MUNIRAH BINTI ARIS
9. SITI NURUL ATIKAH BINTI ABU SAMAH
10. NURUL WAHIDA BINTI HANI
11. WAN NATASYA BINTI WAN AHMED
12. MOHD KHAIRY BIN ZAHARI
13. ABDUL MUHAJMIN BIN MOHD SHAFIE
14. AMEERA BINTI ABDUL REEZA
15. MOHD ZAFRI BIN AB WAHAB
16. NURAINI BINTI MOHD NOOR
17. HAMIZAH BINTI OTHMAN
18. SITI NUR ANISAH BINTI AANI
19. NUR MAIZATUL IDAYU BINTI OTHMAN
20. NURUL WAHIDA BINTI RAMLI
21. SITI FAIRUZ NURR BINTI SADIKAN

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan Eksekutif Fakulti Perladangan dan Agroteknologi sangat komited dalam memacu ke arah kecemerlangan pengurusan fakulti yang lebih sistematik selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) yang disokong oleh aspirasi UiTM. Pengurusan Eksekutif FPA oleh Dekan dan dibantu oleh tiga Timbalan Dekan iaitu Timbalan Dekan Akademik (TDA), Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar (TDHEP) dan Timbalan De Penyelidikan dan Jaringan Industri (TDPJI). Dengan kewujudan sistem kepimpinan yang sangat efisien ini adalah sangat membantu dalam memastikan s program teras yang berkaitan untuk mencapai KPI berkaitan Jaringan Alumni, Komuniti dan Keusahawanan Fakulti dapat dicapai dengan jayanya.

Perancangan (Plan)- Kecemerlangan yang telah dicapai oleh FPA pada tahun 2023 membuktikan Pengurusan Eksekutif FPA mampu merancang strateg telus dan teliti. Pelbagai program telah dirangka dan dirancang bagi memastikan capaian kepada Jaringan Alumni, Komuniti dan Keusahawanan Fakulti d dicapai bagi mempertingkatkan lagi produktiviti FPA. Beberapa program telah dirangka bagi mencapai capaian prestasi program Alumni, Komuniti besert keusahawanan Fakulti bagi tahun 2023 antaranya adalah program Program Bicara Alumni Keusahawanan. Selain itu, Forum Keusahawan, Program Jalin Bersama Industri telah turut dirangka bagi memastikan segala capaian berkaitan dapat dicapai. Bagi memastikan program-program berkaitan dapat diran mencapai nilai yang diperlukan, pihak Pengurusan Eksekutif FPA sentiasa mengambil langkah proaktif dengan mengadakan Bengkel Perancangan yang semua bidang tumpuan fakulti yang telah diadakan pada bulan Mac 2023 bertempat di UiTM Dungun, Terengganu. Segala perbincangan proaktif berkaita program di bawah gerak kerja akan dibincangkan dengan teliti semasa bengkel dijalankan selaras dengan Performance Indicator (PI) yang telah ditetapkan pihak UiTM.

Pelaksanaan (Do) - Dalam usaha memastikan keberhasilan segala program yang telah dirangka, kaedah pelaksanaan yang sistematik telah ditetapkan b daripada penurunan PI kepada pihak yang dipertanggungjawabkan. Seterusnya, pelbagai inisiatif peringkat dalaman fakulti seperti Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE), serta hebahan media sosial FPA turut dijalankan bagi memastikan pelaksanaan program yang telah dirangka. Oleh itu, pen semua pihak berkepentingan dalam fakulti mampu diperoleh dengan mudah bagi menjayakan pencapaian yang disasarkan.

Pemantauan (Check)- Dalam peringkat FPA, pemantauan bagi pencapaian *Performance Indicator* (PI) dilakukan secara berkala dan strategik. Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU Fakulti akan turut mengingatkan kepada Pusat Tanggungjawab PI yang berkaitan untuk mengemas kini data yang berkaitan pada setiap 3 bulan. Proses melibatkan sistem Pengurusan Eksekutif FPA menjalankan pemantauan dan membuat tindakan intervensi bagi semua projek di bawah bidang tumpuan b

Tindakan Penambahbaikan (Act) - Pengurusan Eksekutif FPA sentiasa melakukan penambahbaikan melalui analisis input dari kaji selidik untuk menda maklum balas daripada warga fakulti dan pihak berkepentingan yang terlibat. Data yang diperolehi antaranya daripada sistem SMART, Kaji Selidik Kepu Pelanggan, Borang Maklum Balas Pelajar, dan juga Alumni. Hasil dapatan maklumbalas ini dibincangkan dan dianalisis di peringkat pemantauan bagi me tahap kebolehlaksanaan dan keberkesanan projek. Hasil dapatan maklumbalas ini dibincangkan dan dianalisis di peringkat pemantauan bagi melihat tahap kebolehlaksanaan dan keberkesanan projek. Seterusnya tindakan penambahbaikan akan diadakan dengan mendapatkan informasi daripada pihak susulan untuk memastikan keberkesanan setiap program yang dilaksanakan dan membantu capaian prestasi bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti Kesukarelawan.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Bagi menggerakkan pencapaian objektif dan perancangan strategik yang telah dirangka oleh Bahagian PJI, warga FPA telah merujuk kepada pelbagai sumber dalam peringkat fakulti, universiti, kementerian, industri mahupun kerajaan untuk mencapai pendekatan berkesan bagi mengumpul segala data berkaitan yang boleh digunapakai dalam proses merangka strategi dan pelaksanaan.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) (PPPM 2015-2025) serta Pelan Strategik UiTM 2025 menjadi rujukan utama warga FPA bagi merealisasikan setiap satu perancangan yang telah direncana dalam Program Perancangan Strategik FPA. Semua pemegang taruh dalaman FPA (staf akademik, staf sokongan dan pelajar) serta pemegang taruh luar FPA (industri, alumni dan komuniti) terlibat sama dan berkolaborasi untuk memastikan perancangan dan pelaksanaan dapat dilaksanakan dengan lancar.

Secara terperinci, untuk mencapai segala perancangan strategik Bahagian PJI yang telah dibincangkan, warga FPA telah menganjurkan beberapa program yang melibatkan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan. Antara penganjuran program yang dapat disenaraikan di sini adalah seperti;

- i. ***International-Community Service (I-CSR) University of Warmadewa, Bali & FPA***
- ii. ***Komuniti @ Agro: Program Penanaman Pokok Bersama Komuniti***
- iii. ***Karnival Kepimpinan, Keusahawanan, Kerjaya dan Inovasi (Alumni dan Komuniti)***
- iv. ***Program Bicara & Santai Alumni***
- v. ***Program Jalinan Pintar bersama Industri***

Setiap satu program yang dilaksanakan oleh Bahagian PJI, warga FPA memastikan pakar atau penceramah diwakili oleh alumni FPA terlebih dahulu. Ini kerana, FPA telah mengenalpasti ramai pakar rujuk ataupun pakar industri yang terdiri dari barisan alumni FPA. Dengan kerjasama baik yang terjalin dengan Persatuan Alumni Perladangan UiTM (PAPU), banyak program alumni dapat dilaksanakan dengan baik kerana pihak PAPU sentiasa menyalurkan input berguna melibatkan data alumni yang berada dalam industri perladangan dan pertanian. Selain itu, Bahagian PJI giat berusaha untuk menjalin kerjasama bersama industri dan usaha ini dikukuhkan lagi dengan menandatangani Memorandum Persefahaman (Mou) bersama beberapa industri yang berkaitan perladangan dan agroteknologi seperti; ***MARDI, Lembaga Perindustrian Nenas Malaysia (LPNM), Malaysia Palm Oil Board (MPOB), Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC), Terra Drone, dan Geoprecision Tech Sdn Bhd.***

FPA juga menggalakkan warga dan mahasiswa melibatkan diri dalam pelaksanaan program kesukarelawan. Program yang dianjurkan bukan hanya dilaksanakan dengan komuniti dalam negara bahkan komuniti luar negara juga turut dilibatsama.

Bagi konteks jalinan komuniti, perkongsian ilmu kepada komuniti berkaitan giat dilaksanakan secara berterusan sehingga ke tahun 2024 bagi mendukung visi dan misi FPA untuk menjadi pusat kecemerlangan dan rujukan dalam bidang pengurusan ladang dan agroteknologi.

Komuniti seperti Pejabat Pendidikan Daerah Jasin (PPD Jasin) membuka ruang

yang besar untuk warga FPA menyumbang ilmu dan kepakaran kepada semua sekolah yang berada di bawah seliaan PPD Jasin.

Pelbagai program ini telah melibatkan kolaborasi antara mahasiswa, fakulti, alumni, industri dan

komuniti bagi melahirkan graduan berkualiti yang kompetitif dan berupaya membawa transformasi dalam sektor perladangan dan pertanian. Program yang dianjurkan ini dilihat dapat menyumbang ke arah Amanat Naib Canselor UiTM 2022 yang mana tertumpu kepada Kompetensi Global yang selari dengan Pelan Strategik UiTM 2025. Tambahan lagi, program ini dilihat dapat membantu meningkatkan kadar Kebolehpasaran Global selari dengan Amanat Naib Canselor 2023 yang sejajar dengan Pelan Strategik UiTM 2025 ke arah menjadi Universiti Terkemuka Dunia bagi menyokong pembentukan Malaysia MADANI.

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan Eksekutif FPA amat agresif dalam usaha untuk mencapai segala perancangan objektif dan fokus mendapatkan hasil efektif melalui pendekatan yang telah dibina. Justeru, langkah perluasan yang berkesan telah dilakukan bagi memastikan segala informasi berkaitan perancangan, strategi dan hasil kejayaan program dapat dihebahkan kepada semua warga FPA dan pemegang taruh.

Dalam proses mencapai objektif atau melaksanakan setiap program, bahagian PJI sentiasa peka untuk memastikan setiap perkara mengikut prosedur yang betul dan tidak melanggar mana-mana peraturan yang boleh membawa kepada isu integriti atau protokol. Maka, dari masa ke semasa, rujukan dibuat kepada Unit Komunikasi dan Korporat FPA untuk sebarang khidmat nasihat dan maklum balas berkaitan protokol melibatkan pematuhan pelaksanaan program. Ini untuk memastikan perluasan program yang dilaksanakan mengikut kepada prosedur yang betul.

Selain itu, pengurusan kewangan yang terancang dan telus juga dititikberatkan dalam setiap program yang menyumbang ke arah Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan.

Perancangan kewangan penting bagi memastikan setiap program dilaksanakan tanpa ada sebarang cacat cela dan dapat dilaksanakan dengan cemerlang mengikut pekeliling yang telah dikeluarkan oleh pihak bendahari UiTM. Bahagian PJI sentiasa berhubung dengan pejabat ICAN UiTM serta Bendahari UiTM bagi perluasan pelaksanaan program.

Peluasan pelaksanaan program giat dilakukan oleh FPA bersama pihak industri dan kerajaan. Pelbagai pihak industri berkaitan perladangan dan agroteknologi dirisik untuk berkolaborasi bersama FPA. Antaranya adalah kerjasama antara Lembaga Perindustrian Nenas Malaysia (LPNM) dan FPA. Selain dari perkongsian kepakaran antara dua pihak, aktiviti penyelidikan dan sumbangan ilmu kepada komuniti turut digerakkan. Ia juga melibatkan usahasama LPNM dengan FPA di cawangan lain seperti di UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka dan UiTM Cawangan Perlis Kampus Arau. Bagi pihak kerajaan pula, FPA sedang aktif menjalankan kolaborasi bersama Pejabat Pendidikan Daerah Jasin (PPD Jasin) berkaitan perkongsian ilmu kepada para guru dan pelajar yang berada di sekolah sekitar Daerah Jasin, Melaka. Perkongsian ilmu ini melibatkan kaedah pertanian moden yang boleh diaplikasikan oleh pelbagai jenis pelajar termasuklah Pelajar Pendidikan Khas.

Bagi perluasan informasi pelbagai program yang dirancang untuk memenuhi kehendak pemegang taruh, Pengurusan Eksekutif FPA melaksanakan hebahan informasi menerusi medium mesyuarat yang formal dan efektif seperti Majlis Amanat Dekan, Mesyuarat Pengurusan Eksekutif, Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF), Mesyuarat Staf Akademik Fakulti, Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM), Mesyuarat Tabung Keraian Pelajar dan Mesyuarat Timbalan Dekan Bersama Persatuan Dalamana Pelajar.

Tambahan lagi, medium lain seperti emel rasmi fakulti, *Facebook page* FPA dan aplikasi *Whatsapp* juga digunakan sebagai platform hebahan dan penyampaian maklumat berkaitan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan. Medium ini digunakan kerana ianya terbukti dalam penyebaran maklumat yang pantas dan berkesan seiring dengan era teknologi masa kini.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bagi memastikan keberjayaan pelaksanaan projek tumpuan utama FPA yang berteraskan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan secara berterusan, Pengurusan Eksekutif FPA terutamanya setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) bagi program yang berkaitan sentiasa menekankan proses mengkaji semula setiap aspek pemantauan dan kategori risiko yang dihadapi semasa pelaksanaan demi mendapatkan sumber kemenjadian atau ketidakceapan hasil.

Hasil daripada usaha pemantauan tersebut, tindakan pencegahan dan penambahbaikan akan diambil meningkatkan kecekapan dalam semua aspek pengurusan, penyampaian operasi, perkhidmatan serta pelaksanaan projek bidang tumpuan akan diusahakan. Pelbagai kaedah pengumpulan data maklum balas yang telah dijalankan secara sistematik yang diperolehi daripada Borang Maklumbalas Pelajar, Alumni, Industri dan pelanggan selepas daripada pelaksanaan program. Hasil daripada segala data akan diproses untuk dianalisis dan dirumuskan bagi mendapatkan tindakan susulan yang diperlukan dengan kadar segera.

Selain daripada itu, ahli-ahli terlibat dalam projek bidang tumpuan FPA akan bermesyuarat mengikut skop dan gerak kerja masing-masing seperti contoh Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE), Mesyuarat Ahli Penyelidikan serta Jaringan Industri, Mesyuarat Tabung Amanah Pelajar Akademik (TAPA), Mesyuarat Tabung Amanah Pelajar (TAP) bagi membentangkan laporan gerak kerja, permasalahan serta kemajuan projek bidang tumpuan masing-masing. Hal ini bertujuan untuk merangka dan mengkaji semula strategi seterusnya membuat tindakan penambahbaikan mengikut garis panduan serta dasar yang telah ditetapkan UiTM dan FPA mengikuti ketetapan garis masa masing-masing.

Pengurusan Eksekutif FPA turut menekankan kepada tindakan penambahbaikan selepas mengkaji semula permasalahan dan kemajuan projek bidang tumpuan selesai. Sebagai contoh, bagi program capaian bidang utama keusahawanan yang telah dijalankan iaitu "Program Pembangunan Belia Tani Di Kalangan Siswazah (PROBEST)" bagi Tanaman Jagung Manis Bermula Jun 2023. Proses pemantauan dan penambahbaikan dari segi proses dan hasil program sentiasa ditekankan. Bagi pemantauan dan pengurusan risiko program yang melibatkan kewangan, pihak Pengurusan Eksekutif FPA sangat menggalakkan dan memberi cadangan penambahbaikan serta pengesyoran pihak industri yang dapat membantu pengurusan dan capaian program yang lebih baik.

Pengurusan Eksekutif juga sangat komited dalam memastikan pencapaian PI. Sehubungan dengan itu, Penyelaras Bahagian Perancangan Strategik FPA dan juga Penyelaras ICAN turut sentiasa diarahkan untuk memantau capaian PI dan memberi peringatan kepada mana-mana pihak yang berkaitan bagi pengemaskinian data.

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan Eksekutif FPA sentiasa berusaha untuk memastikan semua perancangan dan perjalanan projek-projek bidang tumpuan JAKK adalah berpandukan proses pengurusan risiko. Panduan Pengurusan Risiko UiTM telah di gunakan sebagai rujukan dalam kenal pasti risiko, pencegahan risiko dan pengurusan risiko.

Perancangan tindakan pencegahan dijayakan dengan pelantikan Jawatankuasa Pemilik Risiko yang dipengerusikan oleh Dekan dan dianggotai oleh Pengurusan Eksekutif, Wakil J/K Keselamatan dan kesihatan Pekerjaan serta Penyelaras Pengurusan Risiko . Pelantikan ini adalah selaras dengan Arahan Dasar dan Mekanisme Pengurusan Risiko Universiti, Unit Pengurusan Risiko 2014. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk membudayakan pengurusan risiko , memastikan polisi, panduan dan mekanisme pengurusan risiko UiTM dipatuhi dan memantau serta menilai setiap risiko yang dilaporkan secara berkala.

Pengurusan Eksekutif FPA menjalankan pemantauan perjalanan projek-projek bidang tumpuan JAKK secara komited melalui mesyuarat dalaman, analisa audit dan penghantaran pelaporan akhir. Pelaporan bagi setiap projek yang dihantar kepada Pengerusuan Eksekutif FPA akan digunakan bagi mengenalpasti potensi-potensi risiko seperti ketidakcapaian sasaran atau penambahbaikan pengumpulan data. Pelaporan yang disediakan oleh penasihat program dengan bantuan Koordinator atau Penyelaras merupakan satu usaha dalam mengenalpasti risiko yang dapat diminimakan dari masa ke masa.

Melalui pelaporan ini, proses analisis, kenal pasti dan kaji semula risiko dapat dijalankan dengan lebih baik bagi mengadakan pelan cadangan dan tindakan penambahbaikan bagi menjayakan projek-projek dalam bidang tumpuan pada masa hadapan.

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Kecemerlangan dalam melaksanakan projek-projek di bawah bidang tumpuan di pastikan dengan menekankan proses mengenal pasti risiko, kajian semula pengurusan dan penambahbaikan dalam setiap pelaksanaan. Pengkajian semula risiko adalah melalui taklimat tatacara penyediaan pelaporan sebelum pelaporan projek-projek di bawah bidang tumpuan dihantar ke sistem seperti PRIME, SMART dan NILAM. Selain itu, penambahbaikan juga dilakukan selepas pengesahan pelaporan di sistem agar dapat disusuli dengan tindakan penambahbaikan secara berpusat oleh Pengurusan Eksekutif FPA. Kajian semula risiko juga adalah berdasarkan Borang Maklum Balas Pelajar, Alumni, dan Pelanggan melalui platform Facebook adalah salah satu contoh data bagi membolehkan kajian semula risiko dan disusuli dengan pelan kajian tindakan penambahbaikan.

Tindakan penambahbaikan juga dijalankan dengan melibatkan Pengurusan Eksekutif FPA khususnya TDPJI, Koordinator ICAN, Penyelaras dan Penasihat Projek dalam mesyuarat bagi tatacara penyediaan pelaporan. Selain itu, tindakan penambahbaikan susulan juga di ambil selepas pengesahan laporan di sistem. Ini membolehkan laporan gerak kerja di analisis, permasalahan di ambil kira bagi merangka strategi penambahbaikan di masa akan datang mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh UiTM.

Tindakan proaktif dan komited dari Pengurusan FPA ini dilihat dapat membawa impak penambahbaikan yang signifikan didalam pemantauan, kenal pasti risiko, kajian risiko dan penambahbaikan bagi projek-projek bidang tumpuan di masa kelak.

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pihak Pengurusan Eksekutif FPA sangat menitikberatkan pembudayaan semua program yang berteraskan kepada capaian bidang utama berkaitan Jaringan Alumni, Industri dan Keusahawanan. Antara objektif dan strategi yang telah dijalankan dalam pembudayaan program yang berdasarkan bidang tumpuan adalah termasuk Majlis Apresiasi Staf FPA dan juga Majlis Anugerah Kelab/Persatuan FPA (MAKEP). Hasil daripada inisiatif program yang diadakan dapat membentuk sinergi dan pembudayaan program agar dapat dijalankan secara berterusan dengan memberikan motivasi kepada pihak penganjur, pelajar serta industri yang terlibat sepanjang program dilaksanakan.

Pengurusan Eksekutif FPA juga sentiasa menyokong penuh inisiatif pemerkasaan program bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Keusahawanan yang berimpak tinggi. Inisiatif ini akan membuka mata dan memberi inspirasi kepada warga FPA untuk meneruskan projek seumpamanya demi menyokong Objektif, Misi, dan Visi UiTM. Sepertimana pelbagai program capaian yang telah dijalankan termasuk Program Taklimat Keusahawanan: Workshop Training Of Trainers (T.O.T) : Entrepreneurial Educator Expert pada 23 Mei 2023. Selain daripada itu, pelbagai program bagi capaian bidang tumpuan komuniti yang telah dijalankan termasuk International Service - Learning Malaysia - University for Society (I -SULAM) di antara Fakultas Pertanian, Universitas Padjadjaran, Indonesia dengan Fakulti Perlindungan dan Agroteknologi 16 Mei 2023.

Dalam masa yang sama, bagi mengekalkan dan membudayakan program berkaitan bidang tumpuan utama fakulti, pelbagai inisiatif strategik telah dijalankan termasuk Memorandum Persefahaman yang telah diadakan dengan beberapa industri serta persatuan yang menjanjikan kerjasama yang berterusan antara FPA dan pihak industri serta alumni yang terlibat. Pihak Pengurusan Eksekutif FPA adalah sangat komited dan telus bagi mengekalkan kerjasama dan pembudayaan program yang dilaksanakan bagi merealisasikan kandungan perjanjian persefahaman yang telah dipersetujui.

Ini dapat dilihat daripada pelbagai siri lawatan yang telah dijalankan sepanjang tahun 2023 termasuklah Lawatan Akademik Antarabangsa dan International Community Social Responsibilities (I -CSR) Nurturing Nature, Securing the Future di The University of Western, Australia pada 20 Ogos 2023. Selain daripada itu, Program International - Community Service (I -CSR) University of Warmadewa, Bali Fakulti Perlindungan & Agroteknologi, UiTM Jasin pada 7 November 2023.

Semua program yang telah dijalankan adalah sangat diharapkan dapat diteruskan dan berkekalan hasil daripada inisiatif dan objektif pembudayaan serta sokongan komited daripada Pihak Pengurusan Eksekutif FPA.

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan (Plan)

Perancangan strategik (PS) bagi tahun 2023 telah ditetapkan dalam Program Retreat Perancangan Strategik Tahun 2023 yang telah berlangsung pada 21-23 Disember 2022 di ILD Bandar Enstek, Nilai, Negeri Sembilan. Seramai 32 orang telah menghadiri program ini yang terdiri daripada ahli pengurusan eksekutif, Penolong Pendaftar, Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU), Pegawai Eksekutif dan Penyelaras-penyelaras program yang dilantik. Sebanyak 30 program telah disasarkan di bawah kluster jaringan industri, alumni dan komuniti yang pelaksanaannya mesti dijalankan dalam tempoh satu tahun.

Pelaksanaan (Do)

Perancangan strategik FPA dirancang dan dilaksanakan dengan teliti berlandaskan Model Strategi UiTM 2020-2025 yang bertema Kompetensi Global. Setiap program yang dirancang diletakkan di bawah tanggungjawab penyelaras yang berkaitan. Pemantauan program diadakan dari masa ke semasa dan direkodkan dan dilaporkan dalam sistem Electronic Program Management Office (UePMO).

Pemantauan (Check)

Hasil pemantauan dan kenal pasti risiko yang dilaporkan di dalam sistem UiSMS dibincangkan bersama secara berkala melalui mesyuarat, sesi perbincangan dengan Penyelaras Projek sama ada melalui medium maya dan fizikal.

Tindakan Penambahbaikan (Act)

Setelah menilai prestasi pencapaian pada hujung tahun, permasalahan dikenalpasti dan langkah penambahbaikan dilakukan bagi meningkatkan pencapaian pada tahun yang akan datang.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pelaksanaan PS adalah di bawah tanggungjawab PSTU yang telah dilantik oleh Naib Canselor (Rujuk 2.2.1 Surat Pelantikan PSTU 2022). Oleh yang demikian, PSTU telah membuat pendekatan PS melalui Bengkel Perancangan Strategik Fakulti Perladangan dan Agroteknologi pada Disember 2022.

Bengkel tersebut telah diadakan untuk melaksanakan analisa dan mengkaji tahap pencapaian Performance Indicator (PI) FPA bagi tahun 2021 serta membincangkan sasaran pencapaian yang telah diturunkan oleh pihak Pengurusan Tertinggi UiTM kepada FPA bagi tahun

2022 (Rujuk 2.2.2 Emel Jemputan Menghadiri Bengkel Perancangan Strategik 2022). Bengkel tersebut juga telah membincang dan merancang projek-projek yang berimpak tinggi bagi tahun 2022 dengan fokus kepada bidang tumpuan JAKK. Projek telah dirancang yang diletakkan di bawah tanggungjawab penyelarasan berkenaan.

FPA memfokus kepada sesi perkongsian kepakaran oleh alumni sebagai aktiviti jaringan alumni. Sesi perkongsian ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada bidang perniagaantani, laluan kerjaya dalam bidang perladangan dan pertanian dan pengurusan penanaman terkini. Ia juga menjadi platform bagi pelajar dan alumni jemputan berkongsi pengalaman, bertukar pandangan dan cadangan. Sebanyak lapan (8) sesi perkongsian bersama alumni telah dirancang dan tiga belas (13) projek komuniti telah didaftarkan. Program yang dirancang mengambil kira pelaksanaan di peringkat dalam dan luar UiTM; kebangsaan dan juga antarabangsa. Sistem UePMO digunakan sebanyak tiga (3) kali sebulan untuk merekodkan perancangan strategik fakulti dan memudahkan pemantauan dijalankan (Rujuk 2.2.3 UePMO).

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Objektif dan inisiatif strategik FPA memfokus kepada penganjuran aktiviti berimpak tinggi yang menekankan perhubungan serta jaringan alumni, komuniti, alumni dan kesukarelawanan di samping menyumbang kepada keperluan industri, komuniti dan alumni dalam bentuk perkongsian pengetahuan, kefahaman dan pemindahan ilmu kepakaran.

Hal ini bersejajaran dengan Pelan Strategik UiTM 2025 dalam Teras Strategik 2 Kecemerlangan Global iaitu Perkongsian Pintar Industri, Komuniti & Alumni (Rujuk 2.3.1 Pelan Strategik UiTM 2025). Program yang dirancang melibatkan kerjasama universiti-industri bagi memupuk pengalaman dunia sebenar di mana alumni jemputan dari pelbagai industri berkait perladangan dan pertanian (Rujuk 2.3.2 Slaid Pembentangan Pencapaian CSPI 2022 dan 2023; Rujuk 2.3.3 Laporan Pencapaian Penanda Aras 2023; Rujuk 2.3.4 Buletin Program Bicara Kerjaya; Rujuk 2.3.5 Buletin Program Bicara dan Santun Alumni). Selain itu, fakulti mewujudkan sistem bersepadu pengkalan data alumni bagi menjalinkan kerjasama strategik pada masa hadapan di mana penyimpanan data alumni FPA akan dapat membantu menjalankan aktiviti bersama alumni.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan yang berkala dan sistematis sentiasa dilaksanakan bagi mengkaji kualiti dan pelaksanaan program. Ianya dilakukan dengan menggunakan Pemantauan pencapaian *Performance Indicator* (PI) yang dikeluarkan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU) setiap bulan yang akan diterima oleh Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) melalui sistem Electronic Program Management Office (UePMO) dan dashboard Power BI Bahagian Transformasi Universiti (BTU). (Rujuk 2.4.1.1 Tangkap Layar Sistem UePMO dan 2.4.1.2 Tangkap Layar Dashboard Power BI).

Melalui sistem ini, prestasi pencapaian bagi setiap PI bagi jaringan Alumni, Komuniti dan kesukarelawanan akan direkodkan dan sebarang kekurangan dari segi pencapaian dapat dikenalpasti. Seterusnya, koordinator yang bertanggungjawab bagi PI yang mengalami kekurangan prestasi pencapaian akan dihubungi untuk mengetahui masalah yang dihadapi dan akan dibantu oleh pegawai eksekutif pentadbiran sekiranya perlu (Rujuk 2.4.1.3 Carta Alir Strategi Pemantauan dan Penambahbaikan).

Segala pencapaian akan dibentangkan secara berkala bersama Majlis Pengurusan Eksekutif melalui siri mesyuarat pengurusan (Rujuk 2.4.1.4 Mesyuarat Pengurusan Eksekutif FPA) secara menyeluruh bagi merealisasikan pemantauan berkesan. Pemantauan dibuat dengan memastikan Penyelaras Projek menghantar laporan program-program yang dijalankan melalui sistem seperti NILAM dan SMART (Rujuk 2.4.1.5 Sistem SMART).

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko-risiko berkaitan dalam merancang semua program-program di bawah PI Alumni, komuniti dan kesukarelawanan telah dikenalpasti dan didokumentasikan di dalam system yang dipanggil UiSMS (Rujuk 2.4.2.1 Tangkap Layar Sistem UiSMS - Dokumentasi Risiko).

Terdapat sembilan (9) bahagian Risiko yang dikenalpasti oleh pihak BTU dan ianya meliputi risiko strategik, risiko kewangan serta risiko operasi. Risiko-risiko ini telah diberikan taklimat dari PSTU sendiri untuk mengalpasti bagaimana untuk menentukan risiko-risiko yang ada bagi setiap PI yang diberikan (Rujuk 2.4.2.2 Tangkap Layar Senarai Risiko - Dokumentasi Risiko).

Beberapa risiko telah berjaya dikenalpasti dan didaftarkan di dalam sistem UiSMS oleh penyelas yang bertanggungjawab. Program dan risiko yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- a. Jaringan Pintar: Risiko yang didaftarkan adalah R00905 (Low number of strategic engagement). Keterangan yang didaftarkan merujuk kepada cabaran untuk mendapatkan penyertaan serta penglibatan yang strategik dikalangan industri luar serta alumni untuk merealisasikan pelaksanaan program tersebut. Tetapi, risiko yang didaftarkan adalah rendah (low) dan magnitude of impact juga rendah.
- b. Bicara Kerjaya: Risiko yang didaftarkan adalah R00902 (low number of strategic partnerships with prominent partners) Keterangan yang didaftarkan merujuk kepada cabaran bagi mendapatkan hubungan serta perkongsian yang strategik dari rakan alumni dan industry yang terkenal. Tetapi, risiko yang didaftarkan adalah rendah (low) dan magnitud kesan risiko tersebut adalah tidak ketara.

2.4.3 MENGAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Hasil pemantauan dan kenal pasti risiko yang dilaporkan di dalam sistem UiSMS dibincangkan bersama secara berkala melalui mesyuarat, sesi perbincangan dengan Penyelaras Projek sama ada melalui medium maya dan fizikal. Sebarang masalah akan dibincangkan bersama dengan Timabalan Dekan untuk langkah yang sewajarnya untuk diambil. Aduan juga boleh dikemukakan kepada pihak BTU sekiranya terdapat tidak berpuas hati berkenaan penetapan serta penilaian dari pihak peneraju tentang satu-satu aktiviti yang telah dianjurkan oleh pihak Fakulti (Rujuk 2.4.3.1 Tangkap Layar Aduan Tidak Puas Hati).

Hasil penganalisan PSTU bagi 2023 telah dikongsi dengan warga jabatan melalui Bengkel Perancangan strategik di mana PSTU membentangkan laporan pencapaian dimana laporan penganalisan bagi PI 2023 di bawah Alumni, Komuniti dan kesukarelawanan telah mencapai hanya sebanyak 58%. Oleh yang demikian, PSTU memohon agar penambahbaikan perlu dilaksanakan pada tahun 2024 bagi membolehkan Fakulti Perlindungan & Agorteknologi berada di tahap yang lebih baik (Rujuk 2.4.3.2 Tangkap Layar Prestasi ICAN 2023).

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pelaksanaan projek seperti yang dizahirkan sewaktu Bengkel Perancangan Strategik Fakulti Perlindungan & Agroteknologi pada Disember 2022 (untuk perancangan tahun 2023) telah menjadi sumber inspirasi serta semangat di dalam membentuk kerjasama dan sinergi bersama alumni, komuniti serta sukarelawan. Jalinan hubungan bersama komuniti terutamanya dengan sekolah, Pejabat Pendidikan dan Pejabat Pertanian juga sentiasa terjalin agar berbagai aktiviti dapat dilakukan yang dapat memberi imak yang positif antara mahasiswa universiti dan komuniti (Rujuk 2.5.1 Templat SAP 2023).

Bagi menyambut aspirasi UiTM untuk meningkatkan prestasi universiti yang berkualiti dan berdaya saing, Fakulti Perlindungan & Agroteknologi telah menagadakan beberapa program bagi menarik lebih ramai komuniti sekeliling, alumni serta industri untuk menceburkan diri dan menjalin hubungan bersama Fakulti. Antara program-program yang diadakan bagi menarik lebih ramai penglibatan pelajar, staf, industri dan masyarakat dan meningkatkan visibiliti Fakulti Perlindungan & Agroteknologi tersebut adalah seperti:-

1. Forum Perdana (Rujuk 2.5.2)
2. Bicara Kerjaya: Minda Seorang Usahawan (Rujuk 2.5.3)
3. Program Operasi Khidmat Masyarakat (Rujuk 2.5.4)
4. Program Sukarelawan Caring Crew SRA JAIM Melaka (Rujuk 2.5.5)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan Eksekutif FPA sentiasa memberi perhatian kepada keperluan dan maklum balas pelanggan, khususnya dalam bidang tumpuan JAKK. Pelanggan memainkan peranan penting bagi organisasi seperti Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA). Dengan memenuhi keperluan pelanggan secara menyeluruh, FPA dapat meningkatkan prestasi organisasinya ke tahap yang lebih tinggi dan kekal relevan. Semua perancangan diselaraskan dengan Dasar Kualiti dan Manual Kualiti FPA serta Pelan Strategik UiTM 2020-2025. Pengurusan Eksekutif FPA menggunakan data maklum balas sebagai asas untuk memastikan bidang tumpuan JAKK dilaksanakan secara sistematik dan efisien.

PENDEKATAN

Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA) menitikberatkan keperluan pelanggan melalui perancangan sistematik dan pemantauan Unit Kualiti. Unit Korporat FPA menyelia aduan dan maklum balas yang diterima melalui e-Aduan UiTM, dengan fokus kepada alumni dan komuniti. Pelanggan terdiri daripada staf akademik, staf pentadbiran, pelajar, universiti, alumni, komuniti, industri, agensi kerajaan dan swasta, serta ibu bapa. Aduan dan maklum balas dikumpul melalui pelbagai platform konvensional dan digital, dan diproses mengikut unit berkaitan.

PERLUASAN

Unit Pengurusan Kualiti FPA mengumpulkan dan menganalisis aduan serta maklum balas pelanggan dalaman dan luaran untuk mengenal pasti risiko program JAKK. Pengurusan Eksekutif FPA, termasuk Timbalan Dekan, mengumpul data melalui Google Form, kaunter pejabat, e-Aduan UiTM, dan media sosial. Data disimpan dalam Google Drive untuk sinkronisasi dan pemantauan. Persatuan Alumni Perladangan UiTM (PAPU) mengumpul maklum balas dalam Mesyuarat Agung Tahunan, dan platform MyAlumni UiTM digunakan untuk memperkasa FPA melalui alumni.

PEMBELAJARAN

Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA) menitikberatkan keperluan pelanggan melalui perancangan sistematik, pemantauan aduan, mengenal pasti risiko yang terlibat serta mengkaji semula maklum balas yang diterima.

Pelaksanaan program FPA dalam jaringan alumni, komuniti, dan sukarelawan menawarkan pelbagai manfaat kepada pelanggan dalaman dan luaran, mendukung objektif FPA sebagai pusat kecemerlangan. Program seperti Majlis Pra Graduan dan Bicara Santai memberi pendedahan kerjaya, ilmu, dan inspirasi kepada pelajar, serta mengeratkan hubungan dengan alumni. Program sukarelawan seperti Gotong-Royong dan OPKIM membantu komuniti dan membentuk pelajar yang bertanggungjawab dan berdaya saing. Alumni juga mendapat manfaat dengan mengenal pasti pelajar cemerlang untuk industri.

Risiko operasi seperti kekurangan respon, penyebaran maklum balas yang tidak meluas, dan kebocoran maklumat pelanggan boleh menjejaskan reputasi organisasi. Untuk mengatasi ini, FPA menetapkan prosedur pengendalian maklum balas yang jelas, melatih kakitangan, dan mengukuhkan keselamatan data. Penggunaan alat analisis data dan kerjasama dengan pihak berkepentingan juga membantu. Langkah-langkah ini memastikan maklum balas pelanggan digunakan secara efektif untuk

meningkatkan kualiti program dan perkhidmatan yang ditawarkan.

Pengurusan maklum balas dan aduan pelanggan yang berkesan adalah kritikal untuk memastikan kepuasan pelanggan dan kualiti perkhidmatan di FPA. Maklum balas dari pemegang taruh dan alumni industri digunakan untuk menilai dan memperbaiki kurikulum,

INTEGRASI

Keberkesanan sistem pengurusan aduan dan maklum balas FPA terbukti dengan kerjasama

antara PAPU, FPA, dan Pusat Jaringan Alumni UiTM dalam sesi kunjung hormat ke CO-OP BANK untuk membincangkan penempatan pelajar dan program komuniti. Peningkatan program JAKK dari 9 pada 2022 kepada 15 pada 2023 menunjukkan komitmen FPA. Inovasi lain termasuk geran RM40,000 untuk projek hidroponik oleh APPGM, membantu meningkatkan taraf hidup komuniti.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA) menitikberatkan dan prihatin terhadap keperluan para pelanggan serta memastikan perancangan sistematik disediakan dan diambil kira bagi memenuhi tujuan tersebut. Untuk tujuan ini, Unit Korporat dengan pemantauan Unit Kualiti FPA menyelia dan menganalisa setiap aduan dan maklum balas pelanggan umum yang diterima melalui e-Aduan UiTM, terutamanya daripada alumni dan komuniti. Rujuk 3.2.1 e-Aduan UiTM dan 3.2.2 Prosedur pengendalian dan maklum balas pelanggan.

Pelanggan FPA dikenal pasti terdiri daripada pelanggan dalaman dan luaran. Pelanggan dalaman terdiri daripada staf akademik, staf pentadbiran, dan pelajar. Pelanggan luaran pula terdiri daripada universiti, alumni, komuniti, industri, agensi kerajaan dan swasta, serta ibu bapa. Untuk memenuhi bidang tumpuan JAKK FPA menumpukan perhatian kepada kategori pelanggan utama iaitu pelajar, alumni, komuniti, dan industri. (Rujuk 3.2.3 Manual kualiti FPA- (Produk i, ii dan iii)

Kesungguhan FPA dalam memastikan suara pelajar, alumni, komuniti, dan industri didengar bagi tujuan penambahbaikan bidang tumpuan JAKK dapat dilihat apabila FPA menyediakan platform untuk pelanggan menyuarakan aduan dan maklum balas.

Pengumpulan aduan dan maklum balas pelanggan dilakukan menerusi pelbagai platform konvensional serta inovasi platform digital, selaras dengan Dasar Kualiti dan Manual Kualiti UiTM. (Rujuk 3.2.4 Dasar Kualiti FPA, 3.2.3 Manual Kualiti; 3.2.2 Prosedur pengendalian dan maklum balas pelanggan)

Platform untuk pelanggan menyalurkan aduan dan maklum balas secara khusus melalui kepada unit korporat FPA (fpakorporat@uitm.edu.my) atau di laman sesawang FPA (<https://fpa.uitm.edu.my/index.php/en/>). Unit korporat FPA akan memproses setiap aduan mengikut unit (Pentadbiran, Hal Ehwal Akademik, Hal Ehwal Pelajar, PJI, Unit pengurusan Makmal dan Unit Pengurusan Ladang), (Rujuk 3.3.2 Proses Maklum Balas Pelanggan). Bagi maklum balas pelanggan secara spesifik melalui program yang di anjurkan, maklum balas boleh diisi melalui borang yang di edarkan. Rujuk 3.2.5 Borang Penilaian Aktiviti Pelajar Kesukalawan

Aduan dan maklum balas pelanggan juga boleh disalurkan melalui laman web UiTM secara umum dengan mengisi e-Aduan UiTM, e-Aduan Fasilitas, dan e-Aduan ICT. (Rujuk 3.2.1 e-Aduan UiTM).

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi aduan dan maklum balas pelanggan dalaman, Unit Pengurusan Kualiti FPA (melalui setiap unit di dalam FPA) mengumpulkan data hasil aduan dan maklum balas yang diterima daripada pelanggan dalaman dan luaran UiTM bagi tujuan analisis serta mengenal pasti risiko pelaksanaan dan operasi program JAKK. (Rujuk 3.3.1 Laporan Program SULAM)

Pengurusan Eksekutif FPA yang terdiri daripada Timbalan Dekan Hal Ehwal Akademik (TDHEA), Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar (TDHEP), dan Timbalan Dekan Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni (TDPJI) juga mengumpulkan data aduan dan maklum balas daripada pelanggan luar, alumni, komuniti, dan industri. Pengumpulan aduan dan maklum balas pelanggan dilakukan melalui Google Form yang diedarkan kepada peserta dan pelanggan luar sejurus selepas program tamat. (Rujuk 3.3.2 Analisa Program SULAM FPA)

Pengurusan Eksekutif FPA melalui Koordinator Korporat turut mengambil inisiatif mengumpulkan aduan dan maklum balas yang diterima dari pelanggan secara langsung di kaunter pejabat akademik FPA, borang maklum balas pelanggan, e-Aduan UiTM, laporan akhbar, serta melalui medium elektronik (emel, Whatsapp, Telegram) dan media sosial (Facebook, Twitter, Instagram). (Rujuk 3.3.3 Paparan Aduan Unit Korporat)

Keprihatinan FPA terhadap pelanggan dalaman dan luaran dizahirkan secara langsung. Kaedah pengumpulan data aduan dan maklum balas pelanggan tidak terhad di peringkat fakulti sahaja. Perluasan pengumpulan data aduan dan maklum balas turut menggunakan platform yang disediakan oleh pihak universiti seperti sistem e-Aduan UiTM.

Setiap unit di dalam FPA (Pentadbiran, HEP dan Akademik) mengambil inisiatif menyimpan data maklum balas melalui Google Drive kerana kaedah ini dilihat sebagai yang paling efektif. Penggunaan Google Drive memudahkan proses sinkronisasi, selain mempunyai storan yang besar dan boleh menyimpan pelbagai jenis format fail. Pautan Google Drive ini dikongsi dengan semua ahli Pengurusan Eksekutif FPA untuk tujuan pemantauan. (Rujuk 3.3.4 Prosedur pengendalian dan maklum balas pelanggan)

Google Drive yang dibangunkan oleh setiap unit (Pentadbiran, HEP dan Akademik) melalui proses pengenpastian. Proses ini dibahagikan mengikut kategori pelanggan seperti aduan dan maklum balas pelajar, staf akademik, staf pentadbiran, industri, dan komuniti. Selain itu, maklumat aduan dan maklum balas juga dibahagikan kepada kategori tujuan aduan dan maklum balas seperti aduan fasiliti, ICT, salah laku, dan permasalahan am.

Maklum balas pelanggan juga diterima daripada pihak alumni. Persatuan Alumni Perladangan UiTM (PAPU) merupakan sebuah persatuan berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 (Rujuk 3.3.5 PAPU). Di bawah akta tersebut, pertubuhan wajib mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan. Dalam mesyuarat ini, data maklum balas alumni dikumpulkan dan dianalisis.

Seterusnya, tindakan perlaksanaan dan penambahbaikan juga dapat dilaksanakan. Selain itu, menerusi Pusat Jaringan Alumni (ANC), Pejabat Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN) Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan kerjasama Jabatan Infostruktur, Pejabat Pembangunan Infrastruktur & Infostruktur UiTM , sebuah platform pendaftaran alumni UiTM

untuk menjejaki para alumni UiTM seluruh dunia, data ini dapat digunakan bagi memperkasa FPA melalui alumni. Rujuk 3.3.6 MyAlumni UiTM.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pelaksanaan bidang tumpuan dari FPA kepada pelanggan dalam konteks jaringan alumni, komuniti, dan kesukarelawan menawarkan pelbagai kebaikan dan ganjaran yang boleh diperolehi oleh semua pihak yang terlibat termasuk pelanggan dalaman dan luaran seterusnya ia mendukung objektif FPA untuk menjadi pusat kecemerlangan dan rujukan dalam bidang pengurusan ladang dan agroteknologi. Dalam rangka meningkatkan bidang tumpuan JAKK, pemantauan bahagian pembelajaran dengan tumpuan kepada pelanggan adalah kritikal.

Melalui pelaksanaan beberapa program yang dilakukan secara konsisten di setiap semester oleh FPA, para pelajar terutamanya pelajar bergraduan (pelajar semester akhir) akan mendapat pelbagai manfaat seperti pendedahan awal dari alumni berkaitan kerjaya, pemindahan ilmu, inspirasi dan teladan. Ini dapat dilihat dengan penganjuran program Majlis Pra Graduan 2023, Bicara Santai dan Santun Alumni, Majlis Pra Graduan 2024 dan Bicara Bersama Alumni 2024 (Rujuk 3.4.1.1). Para alumni yang terdiri daripada Persatuan Perladangan Alumni UiTM (PAPU) dan industri, telah dijemput untuk menjayakan program ini. Program-program ini secara tidak langsung mempersiapkan para graduan yang holistik sebelum memasuki alam pekerjaan. Program Bicara & Santun Alumni bukan sahaja dapat memotivasikan pelajar melalui slot bicara, tetapi ia dapat mengeratkan lagi hubungan antara graduan dan 24 orang alumni dengan program perlawanan persahabatan bola sepak antara UiTM Jasin FC dan Alumni (Rujuk 3.4.1.2).

Program-program ini bertindak sebagai serampang dua mata di mana manfaat program ini bukan sahaja untuk para pelajar, tetapi pihak alumni turut mendapat limpahan manfaat di mana mereka menjadi antara pihak yang terawal dapat mengenal pasti pelajar-pelajar yang cemerlang untuk diserap ke dalam perkhidmatan perladangan dan industri.

Komuniti dan kesukarelawan adalah dua konsep yang saling berkaitan dan memainkan peranan penting dalam pembangunan sosial dan kesejahteraan masyarakat. Komuniti dan kesukarelawan adalah elemen penting dalam membina masyarakat yang harmoni dan sejahtera. Melalui program-program seperti Gotong-Royong Perdana SRA JAIM Batang

Melaka 2023, Operasi Khidmat Masyarakat (OPKIM), dan OPKIM Siswa Madani, pelajar dapat menyumbang kepada kesejahteraan komuniti sambil mengembangkan kemahiran dan nilai-nilai murni dalam diri mereka. Program-program ini bukan sahaja memberi manfaat kepada komuniti tetapi juga membentuk pelajar menjadi individu yang lebih bertanggungjawab, empati, dan berdaya saing.

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Antara risiko operasi yang dikenalpasti seperti kekurangan respon. Terdapat risiko bahawa maklum balas pelanggan tidak ditangani dengan segera atau tidak ditangani sama sekali, menyebabkan pelanggan merasa tidak dihargai dan tidak didengari. Selain itu penyebaran maklum balas yang tidak meluas. Dimana maklum balas pelanggan mungkin tidak disebarkan secara meluas kepada pihak yang berkaitan dalam organisasi, menyebabkan peluang untuk penambahbaikan terlepas pandang. Seterusnya kebocoran maklumat maklum balas pelanggan. Data maklum balas pelanggan yang sensitif mungkin terdedah kepada pihak yang tidak bertanggungjawab, melanggar privasi pelanggan dan menjejaskan reputasi organisasi.

Langkah-langkah mengatasi risiko antaranya yang pertama ialah menetapkan prosedur pengendalian maklum balas dengan cara membangunkan prosedur yang jelas dan komprehensif untuk mengumpul, memproses, dan menangani maklum balas pelanggan dengan segera dan berkesan seperti melaksanakan sistem pengurusan maklum balas pelanggan yang membolehkan pengumpulan, penyimpanan, analisis, dan penyebaran maklum balas pelanggan secara sistematik. Seterusnya melatih kakitangan mengenai kepentingan maklum balas pelanggan, cara mengendalikan maklum balas dengan berkesan, dan prosedur penyebaran maklumat. Dan yang terakhir ialah mengukuhkan keselamatan data. Ini dapat dilakukan

dengan cara melaksanakan langkah-langkah keselamatan data yang ketat, seperti penyulitan data, kawalan akses, dan pemantauan berkala untuk melindungi maklumat sensitif pelanggan.

Langkah mengatasi terhadap risiko data pula ialah seperti menetapkan prosedur yang jelas untuk menangani aduan pelanggan, termasuk proses penyiasatan, tindakan pembetulan, dan komunikasi dengan pelanggan. Kemudian Menggunakan alat analisis data untuk menganalisis maklum balas pelanggan secara berkala, mengenal pasti trend, corak, dan peluang penambahbaikan. Memastikan sumber yang mencukupi, seperti kakitangan, bajet, dan teknologi, diperuntukkan untuk mengurus dan menganalisis maklum balas pelanggan. Dan yang terakhir ialah bekerjasama dengan pihak berkepentingan dalaman dan luaran, seperti unit-unit lain dalam organisasi, pakar industri, dan pelanggan itu sendiri, untuk menangani isu-isu yang kompleks dan meningkatkan kualiti perkhidmatan.

Dengan melaksanakan langkah-langkah mitigasi risiko ini, FPA dapat mengurangkan risiko yang berkaitan dengan maklum balas pelanggan dan memastikan bahawa maklum balas pelanggan digunakan secara efektif untuk meningkatkan kualiti program dan perkhidmatan yang ditawarkan.

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan yang berkesan terhadap maklum balas dan aduan pelanggan adalah kritikal untuk memastikan kepuasan pelanggan serta meningkatkan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan.

Pengurusan maklum balas dan aduan pelanggan di FPA melibatkan proses yang sistematik untuk memastikan kualiti program akademik sentiasa relevan dan memenuhi keperluan pelajar serta pemegang taruh yang lain. Bagi memastikan program - porgram yang ditawarkan oleh fakulti kekal relevan dengan perkembangan semasa dan permintaan pasaran, FPA telah mengambil maklum balas bukan sahaja dari pemegang taruh, tetapi juga dari alumni - alumni yang kini berada di industri. ini dapat dilihat apabila FPA telah mengadakan Bengkel semakan semula kokurikulum AT220 (Rujuk 3.4.3.1). Objektif utama bengkel adalah untuk mendapatkan input, komen, cadangan dan pandangan daripada pihak industri berkenaan kurikulum terbaru program ijazah tersebut supaya sentiasa relevan dan memenuhi keperluan industri. Seramai 89 responden telah melengkapkan kajian pasaran yang dijalankan. ini termasuklah para alumni, majikan dan pekerja sektor swasta dan kerajaan di dalam industri perladangan dan pertanian. program ini dilihat dapat membantu meningkatkan kadar Kebolehpasaran Global selari dengan Amanat Naib Canselor 2023 yang sejajar dengan Pelan Strategik UiTM 2025 ke arah menjadi Universiti Terkemuka Dunia bagi menyokong pembentukan Malaysia MADANI. Tindakan penambahbaikan yang berterusan berdasarkan maklum balas pelanggan adalah kunci kepada kejayaan jangka panjang sesebuah universiti.

Selain itu, analisa soal selidik bagi setiap program SULAM akan dibuat bagi mendapatkan maklumbalas dari peserta dan juga komuniti yang menyertai program. Program SULAM adalah inisiatif yang menggabungkan elemen perkhidmatan kepada masyarakat dengan pembelajaran akademik di institusi pengajian tinggi. Program SULAM FPA x SEK MEN KEB SERI MAHKOTA adalah program yang melibatkan komuniti sekolah terdiri daripada 66 orang pelajar sekolah dan 15 orang guru (Rujuk 3.4.3.2). Pendekatan SULAM yang digunakan dalam program ini merujuk kepada konsep yang terkandung dalam buku SULAM Playbook, yang menekankan komitmen universiti untuk mengaplikasikan ilmu secara praktikal demi manfaat masyarakat melalui aktiviti pendidikan yang berimpak tinggi. AJK program telah membuat analisa soal selidik bagi program ini untuk mendapatkan maklum balas dan membuat penambahbaikan daripada cadangan komuniti terlibat. Dapatan analisa daripada maklum balas pelanggan yang diperolehi telah memberi peluang kepada FPA untuk melakukan penambahbaikan bagi bidang tumpuan JAKK.

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Keberkesanan sistem pengurusan hasil daripada pengumpulan dan penganalisaan aduan dan maklumbalas pelanggan FPA dapat dilihat dengan inovasi dimana Persatuan Alumni Perladangan UiTM Malaysia (PAPU), FPA dan Pengarah Pusat Jaringan Alumni UiTM bersama-sama mengadakan sesi kunjung hormat ke CO-OP BANK (Rujuk 3.5.1). Sesi kunjungan itu membincangkan berkenaan penempatan pelajar latihan industri, potensi penyelidikan dan program yang melibatkan komuniti yang boleh dijalankan bersama.

Kesinambungan daripada kajian semula dan penambahbaikan yang telah dilakukan juga dapat dilihat dengan peningkatan pelaksanaan 15 program berkaitan bidang tumpuan JAKK Fakulti pada tahun 2023 berbanding hanya 9 program yang dilaksanakan bagi tahun 2022 (Rujuk 3.5.2). Ini menunjukkan komitmen FPA dalam membentuk kerjasama dan sinergi bersama alumni, komuniti dan menyumbang kepada semangat kesukarelawan. Pemerkasaan program bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Keusahawanan telah membuka mata semua dan memberi inspirasi kepada warga FPA untuk meningkatkan lagi program-program seumpamanya.

Antara inovasi lain yang dapat dilakukan di dalam FPA adalah dengan memperolehi geran sosial iaitu Geran Penyelidikan di bawah pembiayaan ALL-PARLIMENTARY GROUP MALAYSIA (APPGM) bertajuk Tanaman Sayuran Hidroponik. Projek ini memperuntukkan nilai RM 40, 000.00 di mana ia akan menyalurkan bantuan didalam bentuk projek hidroponik kepada komuniti yang terlibat. Ini akan membantu komuniti didalam meningkatkan taraf hidup mereka. Ini menunjukkan Warga FPA amat komited bagi mengekalkan pembudayaan yang dilaksanakan berkaitan bidang tumpuan JAKK Fakulti.

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Aspek pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan amat penting bagi pengiktirafan global ke atas sistem pendidikan tinggi Malaysia. Pengukuran dan analisis dalam pelbagai aspek seperti kebolehpasaran graduan, hasil penyelidikan, penerbitan dan kualiti serta kedudukan institusi perlu seiring dengan aspirasi **Pelan Pembangunan Pendidikan**

Dalam mencapai matlamat ini, sinergi dan inovasi komuniti akademik di Malaysia, sumbangan sektor kerajaan dan swasta, industri dan alumni amat diperlukan. Graduan UiTM perlu dipersiapkan menerusi sistem pendidikan yang holistik untuk menghadapi masa depan yang mencabar dan sentiasa berubah.

Bagi merealisasikan Pelan Strategik UiTM 2025, FPA UiTM melalui bidang tumpuan JAKK merangka **3 Objektif Strategik (OS) IMPACT**. Ianya adalah:

- i) Melahirkan graduan yang mampan dan berdaya saing menerusi sinergi dan inisiatif bersama alumni.
- ii) Memberi kesedaran akan kepentingan sektor pertanian dalam sekuriti makanan negara.
- iii) Membudayakan khidmat kesukarelawanan di kalangan warga FPA UiTM yang cakna terhadap komuniti sekitar.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengukuran prestasi adalah penting untuk menentukan keberkesanan inisiatif seperti program alumni, kolaborasi komuniti, dan projek kesukarelawan. Melalui pengumpulan data kuantitatif dan kualitatif, FPA UiTM dapat menilai pencapaian objektif program dan mengenalpasti bidang yang memerlukan penambahbaikan. Terdapat banyak aktiviti/projek/program/inisiatif yang telah dijalankan di FPA UiTM yang berkaitan dengan keusahawanan. (Rujuk BUKTI 4.2.1 FPA_AKNC2023). Program dan inisiatif ini dijalankan adalah bertujuan untuk membangunkan kemahiran kepimpinan, memupuk semangat keusahawanan, serta menyediakan peluang kerjaya dan inovasi kepada pelajar. Program ini juga berfungsi sebagai platform untuk menghubungkan pelajar dengan alumni dan komuniti, memperkukuh jaringan dan sokongan dalam pelbagai bidang. Inisiatif dalam karnival ini termasuk bengkel kepimpinan, seminar keusahawanan, pameran kerjaya, pertandingan inovasi, dan sesi perkongsian pengalaman dengan alumni, yang semuanya dirancang untuk memperkaya pengalaman pembelajaran.

Perancangan strategik terhadap bidang tumpuan adalah berpandukan dua tema iaitu perkongsian pintar industri, komuniti dan alumni serta graduan seimbang dan bercirikan keusahawanan bagi menyokong teras strategik kecemerlangan global dan pendidikan berkualiti. Pencapaian bidang tumpuan diukur berdasarkan objektif utama Perancangan Strategik. Perancangan strategik telah dibangunkan selaras dengan Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12 Malaysia 2021-2025) dan berdasarkan Pelan Strategik UiTM2025. (Rujuk BUKTI 4.2.2 FPA_AKNC2023). Pengukuran prestasi jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan dirancang melalui keperluan pelaporan fakulti berdasarkan Amanat Naib

Canselor, Amanat Khas Rektor dan manual kualiti. Perancangan pengukuran prestasi bidang ini juga mengambil kira penilaian dan penambahbaikan daripada pencapaian lepas melalui mesyuarat perancangan strategik dan diagihkan kepada warga fakulti. Perbincangan mesyuarat juga diadakan mengenai penjana pendapatan untuk FPA UiTM sebagai salah satu pengukuran prestasi bidang tumpuan. (Rujuk BUKTI 4.2.3 FPA_AKNC2023). Perbincangan bersama membawa kepada inovasi penyampaian maklumat berkaitan bidang kepada semua warga FPA UiTM melalui program kerana PI tidak akan tercapai tanpa pelaporan daripada semua pelaksana yang terlibat.

Terdapat beberapa kaedah pendekatan yang dilaksanakan bagi pelaksanaan program untuk bidang tumpuan iaitu melalui laporan di dalam sistem PRIME UiTM. Pengukuran dan penilaian ini dilaksanakan berdasarkan tahap penglibatan, objektif, tempoh pelaksanaan aktiviti, hasil dapatan program dan sebagainya. Laporan Tahunan HEP juga digunakan untuk mengukur tahap pencapaian program. Melalui pelaporan tahunan, pencapaian objektif program dalam bidang jaringan industri, komuniti, dan kesukarelawan dapat dinilai. Pelaporan ini boleh menunjukkan sama ada program-program yang dijalankan telah mencapai sasaran yang ditetapkan. Pelaporan juga boleh menilai impak daripada penglibatan pelajar terhadap perkembangan diri mereka serta terhadap komuniti yang terlibat. Seterusnya, kaedah pendekatan yang digunakan adalah melalui tahap kepuasan pelanggan terhadap program/aktiviti berkaitan bidang tumpuan. (Rujuk BUKTI 4.2.4 FPA_AKNC2023).

Melalui perkongsian pengetahuan daripada pengurusan kanan dan pelaksana inisiatif/projek strategik, pengukuran yang ditetapkan adalah berdasarkan Petunjuk prestasi (PI) yang telah ditetapkan oleh FPA UiTM. (Rujuk BUKTI 4.2.5 FPA_AKNC2023).

Penunjuk Prestasi (PI) yang ditetapkan berkaitan bidang tumpuan:

1. Number of IPT student entrepreneurs conducting business on campus during their study period.
2. Number of collaboration with agencies, industry, NGOs, IPT (local and international).
3. The number of students involved in IPT's Innovation and Technology-based programmes.
4. Number of educators with entrepreneurial expertise.

5. Number of digitally driven innovation and technology -based student start-up companies.
6. The number of students involved in IPT's Innovation and Technology-based programmes.

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Laporan program merupakan data utama yang digunakan untuk mengukur prestasi PJI dan ICAN FPA. Semua program ICAN FPA dilaporkan ke PJI iaitu sistem PRIME ISTAR RATING. Manakala, pengurusan MoU dan MoA perlu didaftarkan dan diverifikasi serta dilaporkan di dalam sistem SMART dan NILAMs UiTM. Program yang melibatkan komuniti juga diperincikan dalam bentuk laporan yang mempunyai kriteria bersesuaian termasuk maklum balas peserta seperti yang daftarkan dalam sistem PRIME. Barisan pengurusan esekutif FPA cawangan melaka juga memastikan semua warga FPA jelas berkenaan borang dan proses pelaporan program PJI FPA dengan menganjurkan inovasi penyampaian maklumat oleh Koordinator ICAN. Cabaran bagi pelaporan adalah laporan program yang tidak lengkap serta tidak disertakan maklum balas oleh peserta. Oleh itu, pendaftaran khas untuk borang-borang ini perlu disemak oleh koordinator ICAN bagi pelaporan ke dalam SMART dan NILAMs (Rujuk BUKTI 4.3.1 FPA_AKNC2023).

Melalui taklimat khas yang disampaikan oleh koordinator ICAN, Pengurusan Esekutif FPA Cawangan Melaka ketika program Outreach@FPA (Rujuk BUKTI 4.3.2 FPA_AKNC2023), ia dapat memahami serta memastikan kepentingan untuk pelaporan yang baik lengkap oleh semua aktiviti yang dijalankan oleh warga FPA. Selain dari itu, maklum balas pelanggan terhadap program yang dijalankan oleh warga FPA serta manfaat yang diterima kepada setiap pelapor data. Hebahan pelaporan ini juga dibuat melalui emel, peringatan serta dihubungi oleh koordinator ICAN secara berkala setelah setiap program dilaksanakan. Data yang dikumpul adalah mengikut keperluan pengukuran prestasi bahagian ICAN FPA yang ditetapkan oleh pihak universiti. Pengumpulan data dikumpul dan disertakan dalam rujukan berikut (Rujuk BUKTI 4.3.3 FPA_AKNC2023). Data-data berkaitan pengukuran pencapaian ICAN FPA beserta kekerapan pengumpulan data dapat diperolehi melalui sumber data UiTM iaitu Data PRIME, NILAMs (untuk pengumpulan setiap bulan), Data My MOHEs (dua kali setahun), DATA dari sistem biro transformasi universiti (BTU)- dua kali setahun, Data Kajian Pengesanan Graduan (KPG)- dua kali setahun dan Laporan kajian UiTM Happiness Index (UHI)- sekali setahun.

Pengurusan esekutif FPA memastikan semua program dilaporkan dan dihebahkan kepada semua pelanggan bagi mempertingkatkan visibility serta kecemerlangan warga dalam memperkasakan PJI FPA. Sebagai contoh, berbagai-bagai program telah dilaporkan pada tahun 2023. Selain itu, program-program ini dihebahkan melalui media sosial fasmi fakulti . Peningkatan dari segi perhubungan dan usahasama menunjukkan penyebaran laporan program terbukti meningkatkan kepercayaan komuniti antarabangsa terhadap program komuniti yang dijalankan oleh warga FPA (Rujuk BUKTI 4.3.4 FPA_AKNC2023).

Data-data selain laporan program yang diperlukan bagi mengukur prestasi ICAN FPA boleh dimuat turun oleh penyelaras fakulti yang terlibat atau dilaporkan terus oleh pegawai bertanggungjawab bagi data dalaman seperti data kewangan, laporan pencapaian objektif kualiti dan kajian kepuasan pelanggan FPA. Kaedah penilaian yang digunakan adalah seperti pencapaian sasaran yang ditetapkan, analisis trend, analisis perbandingan antara fakulti, bahagian dan keseluruhan cawangan UiTM seperti berikut (Rujuk BUKTI 4.3.5 FPA_AKNC2023).

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan data adalah amat dititikberatkan oleh Pengurusan Kanan FPA UiTM. Dapatan analisa data bagi PI 2023 **dibentangkan** dan **dikongsikan** di dalam Mesyuarat Pensejajaran Penjanaan Pendapatan & CSPI Fakulti Perladangan dan Agroteknologi. Status pencapaian dibincangkan bagi melihat pencapaian FPA UiTM pada tahun 2023 dan seterusnya membincangkan strategi tahun 2024 untuk bidang tumpuan JAKK.

Hasil daripada perkongsian dan perbincangan pencapaian PI yang dibuat akan dijadikan panduan bagi tujuan pemantauan dan penambahbaikan melalui pelbagai sesi intervensi bagi tahun 2024. Untuk tahun 2023, **langkah penambahbaikan dan intervensi** dibincangkan di dalam Mesyuarat Pengurusan Eksekutif dan Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF).

Pemantauan berkala juga dibuat bagi meneliti dan menganalisa pencapaian PI (Rujuk BUKTI 4.4.1.1 FPA_AKNC2023). Analisa pencapaian yang dibuat dibincangkan bersama Dekan dan Timbalan-Timbalan Dekan yang ternyata memberikan tindakan rancangan **intervensi segera** dan impak yang berkesan. Pemantauan juga dibuat menerusi instrumen lain seperti *QS Ranking*, Laporan Audit dan MyGrant.

Pemantauan juga dibuat bagi mendapatkan dapatan data dan merancang kaedah penambahbaikan bagi **perancangan** dan **solusi meningkatkan prestasi** bidang tumpuan.

Langkah dan proses pemantauan proaktif dan terarah yang dibuat telah memberi impak dan kesan positif kepada PI FPA UiTM secara keseluruhan.

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan Eksekutif, Koordinator ICAN serta Penyelaras setiap program membuat analisa ke atas pelaksanaan program-program bagi **mengenalpasti risiko-risiko** untuk pemantauan dan kajian semula supaya isu dan masalah tidak berulang. Berikut merupakan contoh risiko-risiko yang dikenalpasti:

RISIKO STRATEGIK 1: LAPORAN PROGRAM KOMUNITI TIDAK DILAPORKAN KE DALAM SISTEM PRIME

Punca risiko: Penyelaras program tidak atau lewat menyalurkan maklumat dan laporan untuk didaftarkan di dalam sistem PRIME.

Impak: PI FPA UiTM terutama untuk bidang tumpuan JAKK tidak tercapai kerana program yang dilaksanakan tidak didaftarkan di dalam sistem PRIME.

Kawalan Risiko: **Mewujudkan jawatan Koordinator ICAN** yang bertanggungjawab mengumpul serta mengintegrasikan semua laporan ICAN untuk didaftarkan di dalam sistem PRIME. (Rujuk BUKTI 4.4.2.1 FPA_AKNC2023)

RISIKO STRATEGIK 2: SASARAN PI BILANGAN ALUMNI MENJADI USAHAWAN TIDAK TERCAPAI

Punca risiko: Maklumat alumni yang menjadi usahawan tidak dapat dicapai dan makluman tidak disalurkan secara efektif.

Impak: Data bagi bilangan alumni yang menjadi usahawan tidak dapat diperolehi dan PI tidak tercapai.

Kawalan Risiko: Koordinator ICAN telah menyediakan borang dan membuat saluran pemakluman di aplikasi *telegram* bagi memudahkan penyaluran maklumat.

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi bidang tumpuan JAKK, tindakan pencegahan dirancang dan dilaksanakan bagi setiap risiko pengukuran, analisa dan pengurusan pengetahuan yang dikenalpasti oleh Pengurusan Eksekutif dan Koordinator ICAN. Pengurusan tindakan pencegahan ini ditambahbaik dengan pengumpulan data berkaitan, analisa keberkesanan tindakan dan dikongsi kepada warga FPA melalui platform seperti emel atau whatsapp. Contoh penambahbaikan berdasarkan risiko adalah seperti berikut:

RISIKO 1

Punca risiko: Penyelaras program tidak atau lewat menyalurkan maklumat dan laporan untuk didaftarkan di dalam sistem SMART.

Kawalan Risiko: Mewujudkan jawatan Koordinator ICAN yang bertanggungjawab mengumpul serta mengintegrasikan semua laporan ICAN untuk didaftarkan di dalam sistem SMART

Tindakan Penambahbaikan: Koordinator ICAN dengan kerjasama TD PJI memastikan program bidang tumpuan JAKK dilaksanakan serta laporan lengkap program disalurkan untuk tujuan pendaftaran di dalam sistem SMART.

RISIKO 2

Punca risiko: Kepelbagaian format laporan program menyukarkan pendaftaran ke dalam sistem SMART dan PRIME (Star Rating).

Kawalan Risiko: Koordinator ICAN menyediakan contoh templat dan laporan lengkap pengisian sistem PRIME untuk rujukan setiap ketua projek/program.

Tindakan Penambahbaikan: Koordinator ICAN dengan kerjasama TD PJI memastikan program yang dilaksanakan serta laporan lengkap mengikut format disediakan melalui bengkel libatsama komuniti bersama ketua projek. (Rujuk BUKTI 4.4.3.1 FPA_AKNC2023)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Hasil analisa tindakan pencegahan risiko menunjukkan nilai sinergi yang menjadi asas kecemerlangan ICAN FPA. Pembudayaan yang diamalkan adalah:

- 1) *Visibility* proses pelaporan dan kriteria program berimpak tinggi yang jelas. Penyampaian taklimat khas ICAN dan PJI adalah inovasi penyampaian maklumat oleh pengurusan esekutif FPA UITM untuk memastikan warga FPA menjayakan program yang dapat menyasarkan PI fakulti serta memberi impak yang tinggi dan bersifat lestari (rujuk BUKTI 4.5.1 FPA_AKNC2023). Oleh yang demikian, bilangan projek PJI dan ICAN FPA telah meningkat dan FPA telah berjaya mencapai keseluruhan sasaran PI yang ditetapkan oleh pihak universiti (rujuk BUKTI 4.5.2 FPA_AKNC2023)
- 2) Penyebarluasan hasil program melalui media sosial rasmi fakulti iaitu laman facebook koporat fakulti, laman web fakulti yang meningkatkan ketampakan kepakaran serta usaha yang ditunjukkan oleh warga FPA ke arah objektif universiti iaitu “*Globally Renowed and Locally Rooted*”. Hasil program ICAN seperti minggu keusahawanan yang telah melibatkan pihak industri, siswazah serta pihak universiti telah diuar-uarkan melalui media rasmi yang boleh diakses secara publik. Sepanjang program tersebut MoU/MoA telah terlaksana dengan pihak industri sekaligus memberi keyakinan kepada pemain industri untuk meneruskan kerjasama dengan pihak FPA. (rujuk BUKTI 4.5.3 FPA_AKNC2023) Budaya penyebarluasan hasil program telah dapat menambahkan rasa kesatuan dan keyakinan warga FPA dengan komuniti perladangan serta setempat.
- 3) Budaya menghargai usaha warga FPA terutama pelajar, staf dan alumni melalui sijil pelapor data, Anugerah Khas Dekan dan Majlis Apresiasi yang mengiktiraf pencapaian serta program ICAN warga FPA sepanjang tahun. Penghargaan ini memberi motivasi kepada staf untuk memperkasa ICAN dan PJI FPA supaya lebih melonjak dalam menjalankan program berimpak tinggi serta membuat pelaporan program secara bersistematik (rujuk BUKTI 4.5.4 FPA_AKNC2023).

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Fakulti Perladangan dan Agroteknologi mengambil berat mengenai pengurusan sumber manusia dalam pelaksanaan aktiviti jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan. Sumber manusia merupakan komponen yang utama dalam merealisasikan visi, misi dan objektif di peringkat fakulti. Dari pandangan perspektif fakulti sumber manusia dapat didefinisikan sebagai pelajar atau pensyarah yang terlibat dalam pengurusan aktiviti bidang tujahan serta dan juga individu tau komuniti yang turut terlibat sama. Pengurusan yang baik dan sistematik bagi sesuatu bahagian bermula dari **perancangan yang teliti, pelaksanaan yang sistematik, pemantauan berkala dan penambahbaikan yang bertepatan.**

PERANCANGAN (PLAN)

Bagi setiap aktiviti **jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan** yang ingin dilaksanakan perancangan haruslah dibuat dengan teliti dengan mengambil kira penglibatan sumber manusia yang **beresuaian dan berkaitan**. Perancangan yang teliti adalah berlandaskan sasaran petunjuk prestasi (PI) dalam **Pelan Perancangan Strategik** fakulti pada tahun 2021-2025. Perancangan akan melibatkan agihan tugas kerja yang terdiri dari sumber manusia daripada **kelab-kelab pelajar** yang diterajui oleh **presiden kelab** dan dikelola oleh **ahli jawatankuasa** masing-masing. Setiap kelab juga akan dinasihati oleh **penasihat** yang terdiri daripada kalangan pensyarah yang akan bersama-sama turut terlibat dalam proses perancangan. Staf fakulti yang terdiri daripada **staf akademik** dan **staf sokongan** juga memainkan peranan penting dalam perancangan aktiviti dan program.

PELAKSANAAN (DO)

Pelaksanaan program yang mengambil kira penglibatan sumber manusia beresuaian bagi menjayakan program yang berselarasan dengan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan. Pemilihan akan dilakukan dalam merangka **ahli jawatankuasa** (sumber manusia) yang sesuai bagi melaksanakan program yang berkaitan dengan bidang tumpuan. Aktiviti juga akan melibatkan sumber manusia dari **kategori alumni serta komuniti** bagi menjayakan aktiviti yang dikelola. Oleh yang demikian, sumber manusia yang berkenaan akan **merangka kertas kerja** dan **mengagihkan surat-surat jemputan** kepada alumni dan juga komuniti yang turut sama terlibat.

PEMANTAUAN (CHECK)

Setelah penyempurnaan program, **laporan** hendaklah dibuat oleh **setiausaha program**. Laporan program adalah amat penting agar **pemantauan dapat dilakukan** untuk melihat **keberkesanan pelaksanaan** program dan **merekodkan maklumbalas sumber manusia** yang turut terlibat. Mesyuarat **“post-mortem”** juga akan dilaksanakan bagi memastikan pemantauan terhadap perjalanan program dapat dilakukan dan seterusnya membuat penambahbaikan..

Melalui pemantauan ini juga **aktiviti yang berimpak** dalam kalangan komuniti juga dapat dilaporkan dalam **sistem PRIME** untuk mendapatkan **Star Rating**, yang seterusnya dapat mencapai PI fakulti. Selain itu, audit dalaman dan luar juga akan dilakukan secara berkala bagi memastikan ketelusan dan kecekapan dalam pelaksanaan sistem pengurusan.

PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Penambahbaikan dalam sumber manusia akan diambil kira **daripada borang maklumbalas** yang akan diedarkan selepas mana-mana program berakhir. Analisis borang berkenaan akan menunjukkan apakah yang perlu ditambahbaik. Selain itu, laporan akhir daripada **penemuan auditor** akan turut membantu dalam proses penambahbaikan.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pihak pengurusan FPA telah melaksanakan **pengurusan sumber manusia** yang **strategik** dan **sistematik** bagi memastikan **penglibatan yang menyeluruh** dari keseluruhan warga fakulti. Selain itu, pendekatan yang lebih sistematik turut akan menjayakan mana-mana program yang dilakukan di bawah bidang tumpuan. Antara usaha pendekatan yang dilakukan adalah seperti berikut:

- FPA mempunyai bilangan **staf akademik dan staf sokongan** seramai **105 orang** yang terdiri daripada **72 org staf akademik** dan **33 staf sokongan (rujuk bukti 5.2.1)**. Kesemua staf yang berada di dalam sistem FPA semuanya diberi peluang untuk terlibat dalam aktiviti yang berkaitan dengan bidang tumpuan. Keberadaan staf seramai 105 orang turut menyumbang dalam kelancaran aktiviti bidang tumpuan.
- Selain itu, **kewujudan ICAN** yang bernaung di bawah BPJI turut memudahkan jalinan aktiviti dilakukan bersama alumni dan komuniti. Bagi BHEP pula sumber manusia dalam kalangan **pelajar** dapat juga disumbangkan dalam menjayakan aktiviti bidang tumpuan dengan wujudnya pelbagai **kelab dan persatuan**. Di FPA di bawah BHEP terdapat **14 buah kelab dan persatuan** yang dinaungi oleh penasihat dan ahli-ahli jawatankuasa (rujuk bukti 5.2.2).
- · Bagi memastikan **motivasi dan komitmen** yang berterusan daripada kalangan sumber manusia **sistem penghargaan dan pengiktirafan** telah diberikan. FPA telah mengadakan majlis **Anugerah Akademik Universiti (AUU)** secara tahunan bagi memberi penghargaan kepada para staf yang menyumbang kepada fakulti. Penganugerahan ini juga diberi juga khususnya untuk bidang tumpuan iaitu **Anugerah Penggerak Alumni** (rujuk bukti 5.2.3). Anugerah ini diberikan kepada staf yang berupaya untuk menjadi penggerak alumni diantara para pelajar dan staff FPA. Selain itu, anugerah seperti **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)** kepada staf FPA yang berkecemerlang turut diberikan (rujuk bukti 5.2.4).
- Sumbangan yang cemerlang yang diberikan oleh **pelajar** dalam kelab dan persatuan turut diberikan penghargaan dalam **Majlis Kecemerlangan Kelab Persatuan dan Pelajar (MAKEP)** yang juga diadakan secara tahunan (rujuk bukti 5.2.5).

Oleh yang demikian, bukan sahaja kaedah **pendekatan** yang baik terhadap sumber manusia dapat mewujudkan jalinan antara alumni, komuniti dan kesukarelawan, namun, **pengiktirafan dan penganugerahan** yang bersesuaian juga dapat menjamin keterlibatan sumber manusia dalam menjayakan bidang tumpuan.

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pihak pengurusan Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA) telah mengoptimalkan segala kepakaran dan pengalaman semua staf akademik dan staf sokongan bagi memastikan pelaksanaan **aktiviti Jaringan** berada ditahap yang terbaik. Dari tahun 2020 sehinggalah 2023, FPA telah menandatangani lebih dari **20 perjanjian MOU** dimana setiap perjanjian itu akan diuruskan oleh pensyarah dan staf yang dilantik. Setiap MoU akan melibatkan pelbagai aktiviti seperti karnival kepimpinan dan keusahawan, latihan industri pelajar, program bersama komuniti dan pelbagai lagi (**rujuk bukti 5.3.1**). Semua program ini dapat berjalan dengan lancar kerana kepakaran setiap staf telah dioptimumkan sebaik mungkin.

Pada tahun 2023, seramai 2 orang pensyarah bidang Sains Tanah (Dr. Nur Qursyna Boll Kassim, Puan Salwa Adam) dan seorang pembantu makmal (Encik Mohd Aizudin Masuri) telah dilantik sebagai **perunding kepada syarikat Asia School of Business (ASBM)**. Projek perundingan ini melibatkan aktiviti bersama pekebun-pekebun kecil bagi tanaman kelapa sawit (**rujuk bukti 5.3.2**). Selain itu, **penglibatan pelajar** dalam aktiviti kesukarelawan juga dapat dilihat dalam program **khidmat masyarakat OPKIM** di Kampung Gunung Senyum. Program khidmat masyarakat ini telah melibatkan **7 orang pelajar muaddib** dari FPA yang telah berjaya membina **jalanan bersama komuniti** penduduk kampung di Gunung Senyum (**rujuk bukti 5.3.3**). Selain itu, seramai **3 orang pelajar dan Timbalan Dekan HEP, Dr. Ismail Rakibe** turut terlibat dengan **Lawatan Penanda Aras dan Kesukarelawan** yang telah berlangsung di Universitas Negeri Jakarta (UNJ), Indonesia pada 18 - 21 September 2023 (**rujuk bukti 5.3.4**). Penglibatan **menyeluruh** dari **pelbagai kepakaran dan pengalaman sumber manusia** di FPA telah menjayakan banyak program berkaitan komuniti dan kesukarelawan.

Tambahan itu, FPA juga telah mengoptimalkan kepakaran staf di dalam bidang pertanian dan teknologi dengan menyertai pertandingan **Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)** peringkat UiTM. Wakil kumpulan dari FPA yang dikenali sebagai **AgroMIND** pada awalnya telah menyertai Konvensyen KIK Zon Selatan pada 5-6 September 2023 dan telah memenangi LIMA (5) kategori berikut:

1. TEMPAT KE-2 KESELURUHAN ZON KIK SELATAN
2. ANUGERAH KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF BERPOTENSI
3. ANUGERAH DOKUMENTASI TERBAIK
4. ANUGERAH KIK PREMIER TERBAIK INOVASI P&P KATEGORI PENAMBAHBAIKAN
5. ANUGERAH PENARAFAN EMAS

Kemudiannya, **AgroMIND** telah mara ke peringkat UiTM pada 20 Disember 2023 dan telah dinobatkan sebagai JOHAN Keseluruhan di Peringkat UiTM. AgroMind juga telah memenangi Anugerah Dokumentasi Terbaik serta merangkul Anugerah Pembentang Wanita Terbaik yang dimenangi oleh Pn Salwa Adam (**rujuk bukti 5.3.5**).

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Tahap kepuasan hati staf di fakulti adalah satu aspek penting dalam mengekalkan produktiviti dan kestabilan organisasi. Terdapat beberapa langkah yang telah diambil oleh pihak fakulti untuk memastikan tahap kepuasan hati staf berada di skala yang baik. Fakulti sering membuka **saluran komunikasi dua hala** di antara pengurusan dan staf untuk membolehkan pertukaran idea dan maklum balas yang berkesan terutamanya didalam mesyuarat mesyuarat yang membincangkan **pencapaian Performance Indicator fakulti**.

Selain itu, fakulti juga telah menyediakan **peluang pembangunan kerjaya dan peningkatan kemahiran** bagi staf. Ini termasuk program latihan, **seminar atau bengkel** yang sesuai dengan keperluan individu untuk memastikan mereka sentiasa berkembang dan memberi sumbangan maksimum kepada fakulti (**rujuk bukti 5.4.1**).

Bagi memastikan tahap kepuasan hati staf berada ditahap yang terbaik, **audit dalaman** peringkat fakulti sentiasa dijalankan bagi memastikan setiap unit berada ditahap yang terbaik dan sebarang kekurangan dapat ditambahbaik dan disalurkan ke pihak pengurusan eksekutif fakulti (**rujuk bukti 5.4.2**). Secara khususnya, audit dalaman ini amatlah efektif dalam **proses menambah nilai dan meningkatkan tahap operasi** sesebuah organisasi. Organisasi yang berjalan secara optimum akan meningkatkan **tahap kepuasan hati sumber manusia** di fakulti termasuklah para pelajar, pensyarah dan staf.

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko mempunyai beberapa langkah seperti yang ditunjukkan di [rujuk bukti 5.4.2.(a)]. Secara ringkasnya, **langkah pertama** ialah **mengenal pasti risiko, menganalisis risiko, membangunkan pelan penilaian risiko, melaksanakan pelan pengurusan risiko, menyemak semula dan memantau pelan pengurusan risiko**. Setiap langkah ini disertakan dengan **komunikasi dan perundingan** yang sesuai, termasuk **pemantauan dan semakan**.

Bagi memudahkan pengurusan risiko **Penyelaras Risiko** telah dilantik [rujuk bukti 5.4.2 (b)]. **Perjumpaan bersama Penyelaras Risiko** dalam **Bengkel Pengurusan Risiko** dengan kekerapan sekali setahun seperti dalam laporan **Electronic Risk Management System (eRMS)** [rujuk bukti 5.4.2 (c)]. Setiap bahagian mengenalpasti **kategori risiko, keterangan risiko** (punca dan impak risiko), **membuat penilaian mengenai risiko** (kawalan risiko yang sedia ada) dan membangunkan **pelan pengurusan risiko** iaitu cadangan untuk kawalan risiko untuk dibentangkan dan dimurnikan dalam bengkel berkenaan. Hasil yang diperolehi daripada bengkel didokumentasikan dalam bentuk laporan dan seterusnya dimuatnaik ke dalam sistem eRMS [rujuk bukti 5.4.2 (d)].

Pengurusan risiko ini diselaraskan oleh **penyelaras pengurusan risiko** daripada jabatan BHEP. Tugas dan tanggungjawab jabatan adalah untuk mengatur perbincangan dengan pengurusan fakulti, mengeluarkan notis mengenai penyerahan daftar risiko, menerima daftar risiko, menganalisis pengurusan risiko, menyemak laporan dan mengambil tindakan dan membentangkannya dalam mesyuarat, menyerahkan laporan kepada **Unit Pengurusan Risiko Universiti** dan akhirnya mengukur keberkesanan langkah-langkah yang diambil.

Antara risiko ialah **penceramah tidak dapat hadir di saat akhir**. Tindakan yang perlu diambil adalah dengan meminta **pensyarah/staf menjadi penceramah sandaran**. Selain itu, **ketidackukupan maklumbalas** daripada pelajar mengenai pengisian penambahbaikan program. Ini boleh ditangani dengan **mewajibkan pelajar memberi komen/cadangan melalui borang maklumbalas**. Risiko lain ialah kekurangan penglibatan alumni/masyarakat didalam aktiviti fakulti. Pendekatan strategik fakulti bagi risiko ini adalah dengan merancang aktiviti yang lebih melibatkan keterlibatan alumni/komuniti.

Selain itu, risiko dihadapi adalah **ketidakkjelasan staf mengenai pencapaian PI FPA**. Ini menyebabkan kekeliruan dalam pelaksanaan aktiviti pencapaian PI. Oleh itu langkah telah diambil agar ketua projek yang ingin menjalankan program perlu menyemak teliti samaada aktiviti yang dijalankan memenuhi PI ataupun tidak.

Risiko terakhir yang dihadapi adalah **kekurangan penglibatan dan motivasi staf untuk melibatkan diri aktiviti kesukarelawan bersama komuniti**. Oleh itu, antara langkah yang diambil bagi meningkatkan motivasi staf adalah dengan memberi **pengiktirafan dengan pemberian sijil penghargaan** kepada penasihat/ketua projek kesukarelawan.

5.4.3 MENGAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan Kanan FPA sentiasa memberikan penekanan kepada pembentukan persekitaran dan **sistem kerja yang kondusif** untuk memudahkan pelaksanaan tugas setiap staf. Usaha ini dilaksanakan melalui pelbagai inisiatif seperti **penganjuran bengkel, latihan, dan pemberian anugerah kepada staf yang berjaya**. Selain itu, Pengurusan Kanan juga berusaha untuk meningkatkan produktiviti warga dengan menganjurkan beberapa program untuk memotivasikan dan meningkatkan semangat kesukarelawanan di kalangan staf.

Bahagian HEP FPA telah menggunakan beberapa mekanisme bagi mengukur tahap kepuasan tenaga kerja dan mengambil kira ke semua maklum balas yang diterima daripada tenaga kerja. **[Rujuk Bukti 5.4.3 (a)]**

Segala **laporan, aduan dan maklum balas** yang diterima oleh Bahagian HEP akan dibincangkan bagi mencari jalan penyelesaian terhadap setiap permasalahan yang timbul. Bagi menghargai sumbangan dan komitmen kakitangan yang terlibat di dalam aktiviti pelajar, surat lantikan dikeluarkan kepada staf yang terlibat yang boleh digunakan untuk permohonan kenaikan pangkat.

Maklum balas staf juga sentiasa dititikberatkan oleh Pengurusan Kanan untuk penambahbaikan secara menyeluruh. Antara kaedahnya adalah **perjumpaan secara terus** Pengurusan Kanan FPA bersama staf. Pengurusan Kanan FPA bertindak kepada maklumbalas staf dengan memberikan perhatian kepada isu-isu berkaitan staf dan mengambil tindakan yang sesuai bagi menyelesaikan masalah atau meningkatkan prestasi. Isu staf dibincangkan dalam mesyuarat yang bertujuan untuk membincangkan perkara berkaitan pengurusan sumber manusia seperti pengurusan prestasi, latihan dan perkembangan serta kesejahteraan staf **[rujuk bukti 5.4.3.(b)]**.

Selain itu, hasil tindakan dianalisis dan dikaji semula untuk penambahbaikan melalui **Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE)** yang dipengerusikan oleh Dekan FPA, bagi menambah baik pencapaian serta kualiti fakulti secara berterusan. Emel telah dihantar kepada semua staf untuk menghadiri perbincangan mengenai isu-isu yang timbul berkaitan dengan pengurusan universiti dan akademik dan tindakan penambahbaikan diputuskan dalam mesyuarat tersebut. Contoh emel jemputan bagi Mesyuarat Pengurusan Eksekutif tahun 2023 **[rujuk bukti 5.4.3 (c)]**

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Penandaaras tahap pembudayaan yang terhasil daripada keberkesanan tindakan penambahbaikan berada di tahap yang baik adalah apabila kerjasama antara FPA dan pihak industri dihebahkan secara positif. Selain dari itu, kesan pembudayaan positif yang mapan ini telah memberi manfaat bukan saja kepada warga FPA tapi turut memberi impak positif serta kepercayaan dimana hubungan erat **MoU/MoA** diperkukuhkan dengan pihak industri contohnya Program Jalinan Pintar FPA bersama industri pada 2022 [rujuk bukti 5.5.1]. **Kerjasama pintar** yang dijalinan berjalan seiring demi memacu objektif unit kualiti FPA, misi dan visi FPA dan juga Pelan Strategik UiTM 2025. Selain dari itu, pihak industri turut diraikan dalam majlis-majlis yang diadakan oleh pihak FPA.

Pembudayaan dalam membuat hebahan bagi kejayaan setiap peserta dari warga fakulti akan dihebahkan melalui aplikasi '**whatapps**' dan **email**. Hal ini bertujuan sebagai tanda penghargaan kepada mereka yang berjaya membawa kejayaan kepada pihak fakulti di persada dunia di samping menjadi perangsang kepada mereka yang lain untuk turut sama berbakti kepada fakulti kelak.

Tahap pembudayaan yang terhasil daripada keberkesanan tindakan penambahbaikan dalam bidang tumpuan telah mencapai tahap yang positif di kalangan warga FPA. Keberkesanan tindakan penambahbaikan telah membuka ruang dan peluang kolaborasi yang lebih banyak. Ini termasuk penyelidikan bersama, program latihan dan pembangunan, serta projek-projek keusahawanan. Keadaan ini membuktikan bahawa warga FPA dapat bekerjasama dengan alumni dan komuniti secara efektif bagi mencapai matlamat bersama. Selain itu warga FPA juga dapat meningkatkan keyakinan daripada agensi luar yang berminat untuk berkolaborasi dan bekerjasama. Ini memberi keyakinan dan semangat kepada warga FPA untuk terus meningkatkan dan memperbaiki prestasi mereka dalam bidang tumpuan yang dipilih. Dengan penglibatan sebagai pakar rujuk, penceramah/fasilitator, jururunding, panel penilai, pensyarah pelawat serta penglibatan staf dalam ahli akademi kebangsaan/ badan profesional/ persatuan atau kementerian, kepakaran staf FPA dapat ditonjolkan. Ini juga meningkatkan imej dan reputasi FPA sebagai institusi yang cemerlang dan berkualiti.

Antara program yang telah diadakan adalah Lawatan Penanda Aras dan Aktiviti Kesukarelawan Universitas Negeri Jakarta, International Service Learning Malaysia - University for Society (I

-SULAM) di antara Fakultas Pertanian, Universitas Padjadjaran, Indonesia dengan Fakulti Perlindungan dan Agroteknologi, Lawatan Akademik Antarabangsa dan International Community Social Responsibilities (I -CSR) Nurturing Nature, Securing the Future di The University of Western, Australia dan beberapa program kesukarelawan lain [rujuk bukti 5.5.2].

Tahap pembudayaan yang terhasil daripada keberkesanan tindakan penambahbaikan bagi maklumbalas sumber manusia boleh dilihat melalui **peningkatan kepuasan kerja**, di mana staf merasa lebih dihargai dan bermotivasi hasil dari tindakbalas penghargaan yang dilakukan. Ini juga membawa kepada pengurangan kadar keluar/masuk staff, selain dari mendorong staf untuk lebih cenderung untuk kekal dalam organisasi FPA. **Komunikasi antara staf dan pengurusan** menjadi lebih baik, dengan maklum balas diterima dan ditindaklanjuti dengan lebih cepat. Keberkesanan tindakan penambahbaikan bagi maklumbalas sumber manusia dari pihak FPA memberi impak positif dengan peningkatan produktiviti staf, dan secara langsung menghasilkan kualiti dan kuantiti output yang lebih baik.

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA) dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk alumni, industri, dan komuniti setempat telah bekerjasama dalam pelbagai program.

Program-program yang dijalankan ini bertujuan untuk memperkukuhkan hubungan antara fakulti dengan pihak luar, serta meningkatkan penglibatan pelajar dalam aktiviti kesukarelawan dan pembelajaran luar kelas. Bagi memastikan kelancaran program yang dirancang ini, pihak pengurusan FPA sentiasa mengutamakan proses dan prosedur operasi khususnya yang berkait rapat dengan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan (JAKK).

Tumpuan terhadap operasi adalah amat penting kerana operasi pengurusan dan pentadbiran yang cekap dan efisien dapat memastikan keberkesanan program-program yang dijalankan di peringkat fakulti.

Perancangan

Pihak FPA mengenalpasti tiga (3) proses utama yang dapat menyokong bidang tumpuan JAKK. Proses utama ialah konsultasi dan kolaborasi dengan alumni, rakan industri dan komuniti. Proses kedua ialah pelaksanaan program pelajar bersama alumni, komuniti dan industri. Proses ketiga ialah melibatkan sesi perkongsian ilmu dan kepakaran oleh pensyarah-pensyarah FPA yang bertujuan memberikan pendedahan berkaitan pertanian kepada komuniti dan masyarakat setempat.

Pelaksanaan

FPA menggunakan model PDCA di dalam setiap pelaksanaan bidang tumpuan JAKK dalam memastikan program-program yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan sistematik. Pelaksanaan model PDCA yang terdiri dari Plan, Do, Check, Action dapat memastikan program yang dijalankan mengikut perancangan yang telah diperincikan serta mengikut prosedur kerja secara sistematik.

Pemantauan

Pihak pengurusan FPA sentiasa komited dalam memantau inisiatif-inisiatif program di bawah bidang tumpuan JAKK. Pemantauan secara berkala dibuat melalui pelbagai medium seperti maklumbalas pelanggan yang terdiri dari pelajar, staf, alumni, komuniti dan industri.

Pemantauan turut diperlihatkan di dalam Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) dan Mesyuarat Tabung Pengurusan.

Penambahbaikan

Pihak FPA mengambil langkah proaktif dengan menjalankan analisa hasil tumpuan operasi sebelum dikongsikan kepada warga FPA melalui mesyuarat dan taklimat.

Untuk itu, satu unit Pengurusan Risiko telah ditubuhkan bagi memantau dan menguruskan risiko-risiko yang telah dilaporkan dan direkodkan di Sistem Pengurusan Risiko (e-RMS). Antara tindakan pembahbaikan yang telah dilakukan ialah mengurangkan risiko kewangan dengan membuat permohonan sumbangan daripada syarikat luar atau agensi berkaitan serta pihak alumni.

Selain itu, penambahbaikan dengan mengurangkan risiko operasi/teknikal/fasiliti/keselamatan dengan mendapat kerjasama pihak yang terlibat seperti unit teknikal dan ICT, unit polis bantuan serta unit Kesihatan bagi melancarkan program dan mengurangkan risiko berulang.

Penambahbaikan dari segi kekurangan penyertaan juga dilakukan dengan penglibatan pihak

industri, alumni dan komuniti serta pengguna pelbagai medium bagi mengalakkan penyertaan dari semua peringkat.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pihak pengurusan FPA melalui Dekan dan disokong oleh Timbalan Dekan Hal Ehwal Akademik, Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Timbalan Dekan Penyelidikan Jaringan Industri telah membuat perancangan operasi bagi memastikan program jaringan alumni, komuniti dan sukarelawan ini berjalan dengan lancar.

Proses utama ialah konsultasi dan kolaborasi dengan alumni, rakan industri dan komuniti. Proses ini melibatkan mesyuarat perancangan dan pelaksanaan bersama Pengurusan Eksekutif dengan dimulai dengan pelantikan Penyelaras Program dan pembentukan jawatankuasa. (Rujuk 6.2.1 Minit Mesyuarat). Jawatankuasa program yang dibentuk mengenalpasti alumni, rakan industri dan komuniti yang bersesuaian dengan bidang tumpuan JAKK dan menentukan jenis dan mekanisme kolaborasi. Seterusnya permohonan pelaksanaan program perlu dilakukan oleh jawatankuasa yang telah dibentuk. Setiap permohonan bagi pelaksanaan program yang memerlukan kelulusan pihak Timbalan Dekan Penyelidikan Jaringan Industri, di hantar untuk tujuan semakan dan kelulusan pelaksanaan.

Pihak pengurusan FPA juga menghantar permohonan dan draf memorandum kesefahaman (MoU) atau memorandum persetujuan (MOA) melalui sistem NILAMS bagi tujuan semakan dan kelulusan. Proses ini diakhiri dengan proses tandatangan MoU dan MOA bersama pihak industri. (Rujuk 6.2.2 Bukti MoU).

Proses seterusnya ialah pelaksanaan program pelajar bersama alumni, komuniti dan industri. Program-program yang dijalankan ini adalah berbentuk akademik, kerjaya dan sukarelawan yang dirancang oleh kelab-kelab pelajar dengan bimbingan penasihat kelab atau penasihat program yang dilantik. Kesemua borang-borang permohonan mengadakan aktiviti yang mengandungi butiran pelaksanaan program ini dihantar bagi tujuan mendapatkan kelulusan. (Rujuk 6.2.3 Carta Alir Permohonan Aktiviti). Setelah program berlangsung, pihak jawatankuasa bertanggungjawab membuat pelaporan aktiviti (Rujuk 6.2.4 Carta Alir Pelaporan Aktiviti).

Seterusnya ialah melibatkan proses perkongsian ilmu dan kepakaran oleh pensyarah kepada komuniti. Program seperti ini amat penting bagi memberikan pendedahan tentang teknologi dalam bidang pertanian kepada penduduk setempat. Ini merupakan langkah penting dalam memajukan industri pertanian di Malaysia. Setiap program yang dilaksanakan juga dilaporkan dan dihebahkan melalui bulletin di peringkat fakulti (Rujuk 6.2.5 Buletin Program Bersama Komuniti).

Melalui perancangan yang teliti dan kerjasama yang baik dari pelbagai pihak, Fakulti Perlindungan dan Agroteknologi telah berjaya melaksanakan program-program jaringan alumni, komuniti, dan sukarelawan. Program ini bukan sahaja memberikan impak positif kepada pelajar, tetapi juga kepada komuniti dan industri,

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

FPA menggunakan **model PDCA** di dalam setiap pelaksanaan bidang tumpuan JAKK untuk memastikan program-program yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan sistematik dan melibatkan semua bahagian/unit yang bertanggungjawab.

Perancangan untuk setiap program Jaringan Alumni dan Komuniti telah dibincangkan di dalam Bengkel Perancangan Strategik pada **akhir tahun sebelumnya** berdasarkan pencapaian petunjuk prestasi (PI) pada tahun semasa (Bukti 6.3.1). Perancangan penetapan program ini dimasukkan di dalam **Pelan Tindakan Strategik** pada awal tahun bagi memastikan program dapat dijalankan sepanjang tahun mengikut kesesuaian peruntukan dalaman serta bersifat **Quadruple Helix** (melibatkan empat pihak). Perancangan rapi yang ditetapkan membantu pelaksanaan program alumni dan komuniti yang **berimpak tinggi**. Program **Perkongsian Kepakaran dari Alumni FPA** dilaksanakan bersama pelajar dan komuniti luar dan penyelarar alumni FPA bertanggungjawab memastikan program dilaksanakan mengikut perancangan (Bukti 6.3.2). Bagi pelaksanaan **program komuniti** pula, ianya bermula dengan mengenalpasti setiap ketua projek komuniti yang bertanggungjawab bagi melaksanakan setiap program yang telah dirancang. Seterusnya, pemantauan pencapaian program Jaringan Komuniti dan Alumni dibuat melalui pelaporan yang perlu dihantar sebagai laporan akhir dan juga buletin. Selain itu, penyelarar dan ketua projek perlu memuatnaik pelaporan melalui sistem **SMART** dan juga **PRIME (Star Rating)**. Setiap laporan akan dianalisis dan diverifikasi kepada **4 sukuan setiap tahun** (Bukti 6.3.3). **Tindakan penambahbaikan** setiap program dibincangkan di dalam mesyuarat pengurusan untuk meneliti kaedah penambahbaikan yang sesuai untuk dilaksanakan.

Program berbentuk kesukarelawan juga dilaksanakan mengikut ketetapan yang sama. **Perancangan** untuk setiap program kesukarelawan FPA telah ditetapkan dan dimasukkan di dalam Pelan Tindakan Strategik (SAP) BHEP setiap awal tahun. **Pelaksanaan** program bermula dengan penyediaan kertas kerja dan permohonan program di dalam sistem Rekod Penggunaan Sistem Permohonan Program Pelajar (SiPPP) (Bukti 6.3.4). **Program kesukarelawan FPA** seperti Program International-Community Service (I-CSR) memerlukan penglibatan dari peserta luar negara dan telah dilaksanakan mengikut kesesuaian dengan gabungan bersama beberapa fakulti yang lain. Program-program lain seperti Operasi Khidmat Masyarakat (OPKIM), dan Program Sukarelawan Caring Crew juga telah dilaksanakan mengikut ketetapan dan disokong dari aspek kewangan menggunakan Tabung Keraian Pelajar (Bukti 6.3.5). Pelaksanaan program sentiasa dipantau melalui Laporan Akhir Aktiviti dan dimuatnaik dalam sistem SMART oleh koordinator yang dipertanggungjawabkan. **Tindakan penambahbaikan** dijalankan setelah menganalisis hasil pencapaian dan dapatan dari maklum balas peserta.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

FPA sentiasa memantau inisiatif-inisiatif program dibawah bidang tumpuan JAKK bagi memastikan operasi bidang tumpuan JAKK berada pada tahap yang optimum dan menjamin kelestarian pencapaian. Pemantauan telah dibuat melalui pelbagai medium. Ketika program atau aktiviti sedang berlangsung, wakil pensyarah/penasihat atau koordinator dari JAKK akan turut sama memantau. Kemudian selepas berakhirnya program, borang maklum balas telah diagihkan kepada semua peserta melibatkan pihak alumni, pelajar, staf, komuniti dan industri. Maklum balas semua telah dikumpulkan dan dibuat analisa. (Rujuk 6.4.1.1). Laporan dan bulletin program juga telah dibuat dan dihantar kepada pihak berkaitan. (Rujuk 6.4.1.2).

Sebagai tambahan, bagi memastikan tumpuan kepada operasi adalah berdasarkan pematuhan sistem pengurusan kualiti yang baik, pemantauan juga dijalankan menggunakan Laporan audit dalam dan audit InQKA. Antara operasi yang diaudit adalah operasi pentadbiran, perancangan strategik dan kewangan. (Rujuk 6.4.1.3 Ceraian Laporan ER iQMS Fakulti Perladangan dan Agroteknologi 2022).

Laporan PSTU mengenai pencapaian bidang tumpuan juga telah dibuat kepada Pengurusan Eksekutif setiap bulan. (Rujuk 6.4.1.4 Ceraian Laporan PI Achievement-Okttober 2023). Ini bagi menjamin kelestarian pencapaian adalah selari dengan OS IMPACT yang telah digariskan didalam Bengkel Perancangan Strategik.

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Bagi memastikan kelangsungan kecemerlangan bidang tumpuan JAKK, Panduan Pengurusan Risiko Uitm telah digunakan sebagai rujukan. (Rujuk 6.4.2.1). Proses mengenal pasti, menilai dan mengawal risiko amat dititiberatkan dalam setiap pengurusan operasi JAKK. Klarifikasi risiko boleh dipecahkan kepada beberapa kumpulan; antara yang berkaitan adalah risiko strategik, risiko kewangan dan juga risiko operasi.

Sebelum program berjalan, proses kenal pasti risiko dibuat di dalam mesyuarat bagi membincangkan perkembangan kemajuan program. Mesyuarat ini dijalankan secara berkala sekurang-kurangnya seminggu sekali secara fizikal mahupun atas talian di antara ahli jawatankuasa bersama penasihat program. (Rujuk 6.4.2.2 Tangkap layar perbincangan menggunakan medium Whatsapp). Selepas program berjalan, beberapa risiko telah dikenal pasti melalui Laporan Program dan Borang Maklum Balas peserta yang telah dihantar. Rujuk (6.4.2.3). Antara risiko yang telah dikenal pasti adalah dari segi kewangan, masalah teknikal sewaktu program berjalan seperti tidak cukup alat dan masalah audio, kemudian kekurangan peserta dan juga dari segi risiko keselamatan .

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

FPA sentiasa komited untuk mengkaji semula dan memperbaiki proses operasi dalam memacu kelestarian bidang tumpuan JAKK. Oleh itu, unit Pengurusan Risiko telah ditubuhkan. (Rujuk 6.4.3.1). Unit ini bertujuan untuk memantau dan menguruskan risiko-risiko yang telah dilaporkan dan seterusnya mendaftar risiko tersebut di dalam Sistem Pengurusan Risiko (e-RMS). (Rujuk 6.4.3.2). Bagi memastikan risiko-risiko yang telah dikenal pasti tidak berulang, langkah-langkah penambahbaikan telah dilakukan seperti berikut:

1. Risiko kewangan

Bagi mengurangkan risiko kewangan, FPA telah membuat permohonan sumbangan daripada Syarikat atau Agensi serta Alumni. Pemohonan ini telah dibuat selepas mendapat kelulusan daripada pihak Naib Canselor. Selain itu, permohonan peruntukan kewangan juga dibuat dan telah diluluskan di dalam Mesyuarat TKP bersama pengurusan fakulti (Rujuk 6.4.3.3).

2. Risiko operasi/teknikal/fasiliti/keselamatan

Tindakan penambahbaikan telah dilakukan dengan memohon kelulusan untuk menggunakan ruang dan fasiliti sekitar program berlangsung. Lantikan AJK berkaitan juga telah dibuat di kalangan staf fakulti dan unit-unit lain seperti unit teknikal dan ICT, unit polis bantuan serta unit Kesihatan bagi melancarkan program dan mengurangkan risiko berulang. Bagi (Rujuk 6.4.3.4)

3. Risiko kurang penyertaan

Kerjasama dari semua pihak adalah sangat penting untuk memastikan penyertaan memberangsangkan. FPA telah melantik AJK jemputan untuk menjemput pihak industri, alumni dan komuniti. Manakala bagi penyertaan staf, memo telah dikeluarkan manakala bagi pelajar surat pengecualian kuliah telah diberikan. Selain itu, pelbagai platform telah digunakan untuk menyebarkan maklumat berkaitan program bagi menarik minat semua pihak untuk turut serta memeriahkan program. (Rujuk 6.4.3.5)

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

FPA telah melakukan proses penambahbaikan secara berterusan agar dapat memperkasakan operasi bidang tumpuan JAKK. Antara penambahbaikan berterusan yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

Alumni FPA Database Group melalui aplikasi telegram telah diwujudkan bagi mengumpul data alumni dan menyebarkan maklumat penting berkenaan alumni contohnya pendaftaran MyAlumni UiTM Virtual Card (Bukti 6.5.1). Penubuhan group telegram ini juga bertujuan untuk memudahkan proses pengumpulan data alumni yang telah menjadi usahawan melalui edaran **Google Form Pengumpulan Data Alumni Usahawan** (Bukti 6.5.2). Data ini dikumpul dan digunakan bagi memenuhi pencapaian KPI dan maklumat bagi perancangan strategik.

Kelebihan penggunaan aplikasi telegram ini adalah data dapat dikumpulkan dengan lebih cepat dan efisien serta platform bagi alumni untuk menyumbang kepada tabung alumni UiTM.

Visibility FPA menjalankan program bersama komuniti ditambahbaik lagi dengan memperoleh Geran All Party Parliamentary Group Malaysia (APPGM-SDG) yang mensasarkan **penjanaan pendapatan komuniti B40** kepada 10 penerima dari Felcra Seri Mendapat, Melaka (Bukti 6.5.3). Hebahan berkenaan projek komuniti ini membantu ketampakan FPA kepada semua pihak termasuk rakan industri, alumni dan rakan kolaborasi.

Google Form Maklum Balas Peserta telah digunakan sebagai langkah penambahbaikan dalam aktiviti kesukarelawan. Medium ini digunakan untuk merekodkan komen dan cadangan berkenaan setiap program yang telah dilaksanakan (Bukti 6.5.4). Selain itu, bagi hebahan lebih luas tentang bidang tumpuan JAKK ianya turut dihebahkan di **media massa** seperti di surat khabar yang mendapat liputan secara menyeluruh (Bukti 6.5.5).

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

Perancangan Strategik Fakulti Perlindungan dan Agroteknologi yang efektif dan mampan menerusi agenda untuk menghasilkan graduat yang berimpak tinggi dalam kesukarelawan dan sinergi bersama alumni dan komuniti.

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Hasil utama kepada perancangan strategik dirangka selari dengan perancangan strategik fakulti dan UiTM yang dirancang setiap awal tahun mengikut KPI yang ditetapkan oleh Bahagian Transformasi Unit UiTM. Segala aktiviti yang dilaksanakan perlulah memberi impak kepada jaringan industri dan keusahawanan secara khusus. Aktiviti yang dijalankan merangkumi penglibatan staf fakulti, para pelajar, usahawan luar dan alumni dalam meningkatkan jalinan masyarakat dan perkongsian informasi berkaitan keusahawanan.

Kecekapan Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI) serta Kerjasama dengan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) dan Bahagian Hal Ehwal Akademik (FPA) dalam menjalankan aktiviti adalah di nilai berdasarkan KPI fakulti yang dicapai mengikut peratus setiap KPI yang telah diunjurkan. Secara keseluruhan, terdapat peningkatan di dalam peratusan pencapaian Perancangan Strategik secara keseluruhan pada tahun 2019, 2020, 2021, 2022 dan 2023. Pada tahun 2019, fakulti memperolehi 69% manakala pada tahun 2020 terdapat peningkatan sebanyak 3% menjadikan markah 71% yang dikumpul oleh pihak fakulti secara menyeluruh. Pada tahun 2021, fakulti sekali lagi memperolehi kenaikan sebanyak 8% menjadikan markah keseluruhan sebanyak 79%. Pada tahun 2022, julung-julung kalinya fakulti memperolehi 6 bintang pada pencapaian perancangan strategik iaitu 87%. Pada tahun 2023, terdapat sedikit penurunan sebanyak 1% menjadikan pencapaian 86%.

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

HASIL OPERASI YANG MANTAP

- 1. Karnival Kepimpinan, Keusahawanan, Kerjaya dan Inovasi (Alumni dan Komuniti)**
- 2. Program International-Community Service (I-CSR) di antara University of Warmadewa (UNWAR), Bali bersama Fakulti Perladangan & Agroteknologi.**

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Hasil operasi yang melibatkan alumni, komuniti, dan kesukarelawanan di Fakulti Perladangan dan Agroteknologi telah mencapai **Tahap** kejayaan yang tinggi dengan pelaksanaan aktiviti yang melibatkan ramai alumni, komuniti dan sukarelawan dan memberi kepuasan yang sangat baik kepada semua pihak yang terlibat. **Karnival Kepimpinan, Keusahawanan, Kerjaya dan Inovasi (Alumni dan Komuniti)** yang dibuat pada tahun 2023 yang telah ditambah baik daripada tahun sebelumnya menunjukkan penglibatan alumni dan komuniti yang luar biasa dimana dapat saling membantu dan berkongsi kepakaran, maklumat, pengalaman di mana ia dapat memberi impak yang sangat baik kepada kedua-dua belah pihak. **Tren** menunjukkan peningkatan yang positif dalam bilangan program dan penyertaan dari tahun 2022 ke tahun 2023, mencerminkan minat dan komitmen yang berkembang terhadap aktiviti ini. Apabila **Perbandingan/Tanda Aras** dilakukan, jelas bahawa **Fakulti Perladangan dan Agroteknologi** ini telah menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya dan institusi lain dalam bidang yang sama. Akhirnya,

Kepentingan daripada hasil ini adalah jelas dalam pengukuhan imej fakulti sebagai pusat kecemerlangan dan dalam memberi impak positif kepada komuniti dan pelajar melalui peningkatan kesedaran tentang pertanian lestari dan pengembangan kemahiran pelajar. Di samping itu juga ia dapat memberi kesan kepada Kebolehpasaran Graduan dalam bidang ini. Selain itu juga, dengan ada nya operasi yang mantap oleh FPA ia membantu dalam memberi impak yang sangat baik di peringkat nasional dan juga antarabangsa seperti **Program International-Community Service (I-CSR) di antara University of Warmadewa (UNWAR), Bali bersama Fakulti Perladangan & Agroteknologi.**

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

PEMERKASAAN DAN TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA MEMACU KE ARAH KEBERHASILAN PROGRAM BERSAMA ALUMNI DAN KOMUNITI SERTA AKTIVITI KESUKARELAWAN DI FPA.


7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pemeriksaan sumber manusia memainkan peranan penting dalam memastikan keberhasilan dan pencapaian dalam bidang tumpuan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan di FPA. Berdasarkan laporan yang diberikan oleh setiap unit dan PTJ menunjukkan peningkatan dalam tahap pelaksanaan aktiviti dalam fakulti. Antara aspek utama yang mendorong kepada keberhasilan bidang tumpuan ini ialah **peningkatan tahap (level) kelayakan, kemahiran dan kompetensi warga akademik FPA**. Tahun 2021 dan 2022 menunjukkan kemampuan FPA yang berjaya mencapai kejayaan 100% dalam PI untuk menghasilkan kakitangan yang mempunyai kelayakan profesional. Menjelang tahun 2023 pula menunjukkan sasaran yang ditetapkan oleh FPA untuk memastikan staf akademik mempunyai kelayakan PhD seramai 31 orang dan hasil tumpuan kepada sumber manusia menunjukkan bahawa pencapaian FPA dalam PI ini melebihi sasaran. Dengan tahap kompetensi yang dimiliki oleh warga akademik berupaya mendorong ke arah penghasilan aktiviti yang lebih berimpak kepada fakulti. Tahap keberhasilan aktiviti bagi menjayakan bidang tumpuan alumni, komuniti dan kesukarelawan juga semakin bertambah dan ini menunjukkan peningkatan **tren yang positif** setiap tahun.

Dengan peningkatan tahap pendidikan pensyarah juga telah mendorong ke arah peningkatan penyertaan di dalam bidang professional selaras dengan kelayakan dan bagi memenuhi KPI fakulti dan individu. Ini dapat digambarkan melalui tahap penglibatan staf menyertai badan professional dan antarabangsa pada tahun yang meningkat dari 2021 sehingga 2023 dan melebihi sasaran ditetapkan. Selain itu, hasil pemeteraian kerjasama melalui MOU juga dapat meningkatkan lagi kerjasama yang sedia ada. **Perbandingan peningkatan MOU** ini dapat dilihat dari tahun 2019 sehingga 2023. Ikatan ini memberi **kepentingan kepada FPA** dalam meningkatkan visibility FPA di mata dunia.

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANCELOR 2024 FAKULTI PERLADANGAN DAN
AGROTEKNOLOGI UiTM KAMPUS JASIN FAKULTI PELADANGAN DAN AGROTEKNOLOGI, UiTM
CAWANGAN MELAKA

e ISBN 978-629-95666-1-8



FAKULTI PERLADANGAN DAN AGROTEKNOLOGI UiTM KAMPUS JASIN MELAKA

(online)